



اَوْبُوْرَسِيْتِيْ بِاَسِيْتِيْ لَوِيْ كِيْ مَارَا

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
CAWANGAN KELANTAN**

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA  
ENCIK HAMID BIN SAMAN  
PENGALAMAN MENJADI HOMEGUARD

OLEH:

ATIKA NATAYSA BINTI ALIAS

2011676516

NURUL IZZAH BINTI AYOB

2011211182

PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA  
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN  
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS  
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN  
SEMESTER 05 (SEPT 2013 – JAN 2014)

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA  
ENCIK HAMID BIN SAMAN  
PENGALAMAN MENJADI HOMEGUARD

OLEH:

ATIKA NATAYSA BINTI ALIAS

2011676516

NURUL IZZAH BINTI AYOB

2011211182

PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA  
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN  
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS  
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN  
SEMESTER 05 (SEPT 2013 – JAN 2014)

# **PENGHARGAAN**

# PENGHARGAAN

## **“Dengan Nama ALLAH Yang Maha Pengasih Lagi Maha Penyayang”**

Setinggi-tinggi penghargaan dirakamkan kepada Puan Nor Kamariah Binti Chik Pensyarah IMR 604 Pendokumentasian Sejarah Lisan di atas nasihat dan tunjuk ajar beliau yang dicurahkan kepada kami. Segala tunjuk ajar beliau akan nasihat dan tunjuk ajar beliau akan menjadi panduan untuk kami berusaha menghasilkan transkrip ini pada bila-bila masa akan datang.

Jutaan terima kasih juga kami tujukan kepada Encik Hamid Bin Saman kerana sudi meluangkan masa untuk di temuramah dan berkongsi pengalaman dalam menjayakan projek pendokumentasian ini. Pengalaman sewaktu menjayakan projek pendokumentasian ini di rumah kediaman beliau di Kampung Lawar, Jeli Kelantan merupakan suatu pengalaman berharga buat kami. Segala kerjasama dan perkongsian yang telah beliau berikan ini akan sentiasa pada masa akan datang.

Berkat usaha kami dan doa daripada ibu bapa yang banyak memberikan sokongan demi kejayaan kami di dalam pelajaran, maka terhasillah transkrip temubual ini. Tidak dilupakan, sahabat-sahabat seperjuangan kami yang banyak membantu dan memberi tunjuk ajar sepanjang proses menyiapkan transkrip ini. Oleh itu kami berharap agar transkrip temubual ini akan memberi manfaat kepada penyelidik serta generasi akan datang. Kami berharap para pembaca mahupun penyelidik dapat menerima hasil kerja kami sebagai kejayan bersama.

# ISI KANDUNGAN

TITLE	PAGE NO
Penghargaan.....	1
Abstrak.....	4
Biodata Tokoh.....	5
Pengenalan.....	6
Transkrip	
Kaset 1 Bahagian A.....	10
Kaset 1 Bahagian B.....	25
Lampiran	
Surat kebenaran	
Surat Perjanjian	
Senarai soalan	
Gambar	
Sijil penghargaan	

## **ABSTRAK**

**Abstrak:** *Transkrip ini mengandungi temubual bersama Encik Hamid Bin Saman mengenai pengalaman beliau sebagai Homeguard pada zaman pemerintahan British. Transkrip temubual ini dijalankan di kediaman beliau di kampung Lawar, Jeli Kelantan Darul Naim pada 11 November 2013 bermula jam 3.00 Petang . Transkrip ini menyentuh tentang latar belakang serta pengalaman beliau sepanjang menjadi homeguard selain mempunyai kemahiran dalam bidang pertukangan membuat keris dan aktiviti permainan wayang kulit. Di samping itu, beliau turut memberi pendapat tentang kehidupan dan pemerintahan Negara pada masa ini. Beliau juga menceritakan pengalaman semasa penjajah menjajah Negara seperti pada zaman British, Komunis dan Jepun.*

**Kata Kunci :** *Encik Hamid Bin Saman, Homeguard, Pertukangan membuat keris, Wayang Kulit.*

## BIODATA TOKOH



Nama	:	Hamid Bin Saman
Umur	:	93 tahun (1920-an)
Alamat	:	Kampung Lawar, 17600 Jeli, Kelantan.
Bangsa	:	Melayu
Kerjaya	:	Bekas Homeguard
Status	:	Berkahwin
Nama isteri	:	Satimah Binti Mat Noh
Keluarga	:	Anak ketiga daripada lima adik-beradik

# **PENGENALAN**



# PENGENALAN

Selepas Jepun menyerah kalah, Parti Komunis Malaya telah mempertingkatkan aktiviti mereka bagi menuntut hak kuasa pemerintahan. Pemberontakan bersenjata terhadap pemerintahan kerajaan British telah dilakukan. Kekejaman komunis tanpa mengira mangsa menyebabkan kerajaan British mengisytiharkan Ordinan Darurat di seluruh Tanah Melayu pada 19 Jun 1948.

Walaupun darurat diisytiharkan, namun komunis masih terus berleluasa dan ini memerlukan pasukan keselamatan yang ramai. Oleh itu, pentadbir British merombak pasukan polis sukarela dan mewujudkan Pasukan Homeguard pada Jun 1948 dan diletakkan di bawah kuasa Emergency (Homeguard) Relations 1951. Pada peringkat awal, pasukan ini adalah di bawah tanggungjawab pasukan polis dan ditubuhkan secara khidmat sambilan bagi menjaga kampung dan kawasan lading atau estet. Pasukan ini ditubuhkan pada peringkat negeri, daerah, mukim dan kampung. Anggotanya diberi surat kuasa, latihan kawad, dan cara-cara mengendalikan senjata. Semasa bertugas anggota pasukan ini memakai lilitan kain bertanda 'HG' di bahagian kiri lengan baju dan membawa surat kuasa. Pasukan ini dianggotai oleh orang Melayu, Cina, India, Eropah dan Orang Asli serta kaum wanita berumur diantara 18 hingga 55 tahun.

## **Perkembangan Pasukan Home Guard**

Pada tahun 1948, terdapat kira-kira 40,000 orang anggota homeguard tetapi bilangan ini semakin meningkat dari tahun ke tahun. Pada penghujung tahun 1949, bilangannya adalah 47,000 anggota. Pada September 1950, General Harold Briggs memperbesarkan pasukan ini di bawah Rancangan kampung baru bagi menjaga kampung tersebut. Pasukan ini diletakkan di bawah Jabatan Pertahanan Awam Persekutuan. Bagi membolehkan orang awam melibatkan diri secara sukarela dalam kegiatan melawan komunis, Sir Henry Gurney, Persurujaya Tinggi British di Tanah Melayu telah mengadakan 'Kempen Bulan Rakyat Melawan Penganas'. Melalui kempen ini, orang awam digalakkan menjadi sukarelawan

atau anggota Pasukan Homeguard. Kempen ini telah mendapat sambutan yang menggalakkan daripada orang ramai.

Dalam bulan Disember 1951, penyusunan semula dilakukan oleh leyttelton. Pasukan homeguard diletakkan di bawah Kementerian Pertahanan. Pesara tentera British, General E.B de Fonblanque telah ditugaskan untuk melatih 42,000 anggota baru dengan bantuan pegawai-pegawaikomanwel. Hasil penyusunan semula ini, anggota pasukan homeguard terus meningkat dari masa ke semasa. Pada bulan Julai 1951, terdapat kira-kira 79,000 anggota, 99,000 orang pada akhir tahun tersebut dan pernah mencapai 250,000 pada bulan Jun 1953. Mereka bertanggungjawab sepenuhnya ke atas 72 Kampung Baru yang diwujudkan pada masa tersebut.

### **Tugas dan tanggungjawab Homeguard**

Secara umumnya tugas yang dijalankan oleh pasukan Homeguard ialah mengawal kampung-kampung lama atau kawasan pengumpulan dan penempatan semula termasuk kampung Baru. Mereka juga ditugaskan untuk mengawal kawasan strategic seperti simpanan senjata api, kawasan perlombongan dan estet. Anggota pasukan ini juga membantu polis mengadakan sekatan jalan raya dan pemeriksaan kad pengenalan penduduk serta menjalankan operasi penapisan di tempat-tempat awam seluruh Negara agar segala keperluan asas seperti bekalan makanan, ubat-ubatan, pakaian, dan peralatan senjata tidak sampai ke tangan komunis.

# TRANSKRIP

# TRANSKRIP

## KASET 1 BAHAGIAN A

Petunjuk

ANA : Atika Nataysa Binti Alias

NIA : Nurul Izzah Binti Ayob

HS : Hamid Bin Saman

## BAHAGIAN A : LATAR BELAKANG TOKOH

ANA : Assalamualaikum. Saya Atika Nataysa Binti Alias dan rakan saya, Nurul Izzah Binti Ayob, dari dari UiTM kampus Machang, Kelantan, Fakulti Pengurusan Maklumat, IM2255B, ingin menemuramah atuk, En. Hamid Bin Seman, bagi memenuhi Subjek Pendokumentasian Sejarah Lisan, IMR604, bolehkah kita mulakan sekarang? (bunyi kertas).

NIA : Apakah nama penuh atuk? nama penuh atuk? (bunyi kertas).

HS : Hamid Bin Saman. Hamid Bin Saman.

NIA : **Berapakah umur atuk sekarang? (bunyi kertas).**

HS : Umur, umur di dalam *kito*[saya] buat kad pengenalan, jadi umur yang (bunyi ayam berkokok) yang umur betul seratus [100] lebih.

NIA : **Apakah nama panggilan yang biasa digunakan oleh keluarga untuk atuk?**

HS : Apa?

NIA : Panggilan yang biasa digunakan oleh keluarga untuk atuk? Panggilan?

ANA : Panggilan? Keluarga atuk panggil atuk? Dengan nama apa? (bunyi ayam berkokok).

HS : *Demo* [mereka] panggil? Kalau cucu, panggil Tok *la* [tabiat percakapan orang Malaysia]. Panggil Tok. Cucu panggil Tok. Kalau orang-orang biasa *ni* [ini] panggil Pak Hamid (bunyi kertas). *Demo* [mereka] yang panggil Pak hamid *tu* [itu] nama Tok *la* [tabiat percakapan orang Malaysia]. Memang terkenal *la* [tabiat percakapan orang Malaysia] nama Tok, Pak Hamid *pun* [tabiat percakapan orang Malaysia] orang panggil. Kampung Lawar, Pak Hamid Kampung Lawar itu *la* [tabiat percakapan orang Malaysia] Tok.

ANA : **Anak-anak atuk panggil atuk?**( Bunyi motorsikal)

HS : Anak-anak. Anak-anak Tok panggil panggil *Cek* [Ayah]. (bunyi ayam berkokok)

ANA : Panggil ?

HS : Panggil *Cek* [Ayah]. Cucu panggil Tok.

NIA : **Bilakah atuk dilahirkan?**

HS : Apa?

NIA : Bilakah atuk dilahirkan?

HS : Lahir? Masa lahir *tu* [itu] tidak boleh *nak* [hendak] bagitahu sebab kita tidak tahu tidak ada surat beranak. Surat beranak tidak ada (bunyi ayam berkokok). Masa *tu* [itu] masa tidak ada tidak ada surat beranak. Masa, masa *tu* [itu] polis mereka panggil mata-mata, masa *tu* [itu] polis mata-mata.

ANA : Mata-mata?

HS : Ya. Balai polis mereka panggil rumah pasung masa *tu* [itu]. (bunyi ayam berkokok).

NIA : **Rumah pasung?**

HS : Rumah pasung mereka panggil. Balai Polis *tu* [itu] rumah pasung. Sekarang Balai

Polis.

HS : Dahulu masa Tok *tu* [itu] rumah pasung *la* [tabiat percakapan orang Malaysia].  
(bunyi ayam berkokok)

NIA : **Dimanakah tempat atuk dilahirkan?**

HS : Lahir asal Kampung Lawar *la* [tabiat percakapan orang Malaysia]. Kampung Lawar.  
Asal sini.

NIA : **Atuk berasal dari mana?**

HS : Apa?

NIA : Berasal dari mana?

HS : Asal sini. Asal orang sini *la* [tabiat percakapan orang Malaysia]. Asal orang  
Kampung Lawar *la* [tabiat percakapan orang Malaysia]. (bunyi motorsikal)(bunyi  
ayam berkokok).

NIA : **Atuk menetap dimana sekarang?**

HS : Menetap sini *la* [tabiat percakapan orang Malaysia]. Kampung Lawar *ni* [ini].

NIA : **Siapakah nama penuh ayah atuk?** (bunyi ayam berkokok)

HS : Ayah *kito* [Ayah]?

NIA : Ya, ayah atuk.

HS : Nama Hamid bin Saman. Saman ayah kepada *kito* [saya].

ANA : **Ayah atuk nama saman?**

HS : Ya, ayah Tok nama Saman.

NIA : **Siapakah nama penuh ibu atuk?**

HS : Halimah. Halimah.

ANA : Halimah?

HS : Ya.

ANA : **Berapakah bilangan adik-beradik atuk?**

HS : Apa?

ANA : Adik-beradik?



HS : Adik-beradik? Ibrahim bin Saman, adik kepada *kito* [saya]. Adik kepada *kito* [saya] sebenar, Che Minah yang perempuan (bunyi ayam berkokok) Che Minah bin Saman. Che Minoh bin Saman. Adik kepada Che Minah *tu* [itu] Ibrahim bin Saman.

ANA : **Berapakah adik-beradik atuk?**

HS : Adik-beradik *kito* [saya]. (berfikir)

ANA : Berapa orang?

HS : Satu, dua, (bunyi ayam berkokok), tiga, empat, lima. Lima orang.

ANA : **Lima orang?**

HS : Ya, lima orang.

NIA : **Atuk anak yang ke berapa?**

HS : Apa?

NIA : **Atuk anak yang ke berapa?**

HS : (bunyi besi) Masa ibu. Anak, *kito* [saya] nak kira dulu *ni* [ini] jangan *gaduh* [cepat] dulu. (bunyi besi) (bunyi ayam berkokok). Tiga, anak yang ketiga. Tiga, anak nombor tiga.

ANA : **Adakah adik-beradik atuk masih ada? Masih - - -**

HS : Ada setengah, tidak ada dah setengah. Mati dah setengah.

ANA : **Apakah pekerjaan atuk? Pekerjaan?**

HS : Pekerjaan, perkerjaan atuk sekarang tengah buat kebun. Buat kebun sayur. Buat kebun tanam pokok-pokok getah.

NIA : **Siapakah nama isteri atuk?**

HS : Isteri Satimah binti Mat Noh.

NIA : **Apakah pekerjaan isteri atuk?**

HS : Sekali dengan *kito* [saya] *la* [tabiat percakapan orang Malaysia] buat kebun.

HS : Buat kebun.

NIA : **Bilakah tarikh atuk berumahtangga?**

HS : Tarikh Tok berumahtangga. Tidak tahu *la* [tabiat percakapan orang Malaysia]. Tahun berapa, tidak ingat *la* [tabiat percakapan orang Malaysia]. Tok tidak ingat (bunyi ayam berkokok) (bunyi kertas). Tidak ingat *la* [tabiat percakapan orang Malaysia] tahun berapa. Tidak boleh *nak* [hendak] bagitahu.

ANA : Masa - - -

HS : tango mugo umur *kito* [saya] \_ \_ \_ mungkin \_ \_ \_ mungkin *tujuh puluh* [70] *la* [tabiat percakapan orang Malaysia] boleh kato. *Enam puluh* [60] atau *tujuh puluh* [70] *ambo* [saya] berumahtangga (bunyi ayam berkokok). *Kito* [saya] umur tua baru berkahwin.

HS : *Enam puluh* [60] *la* [tabiat percakapan orang Malaysia] tulis. *Enam puluh* [60]. Tok berumahtangga. Masa berumahtangga umur *enam puluh* [60].

ANA : **Umur enam puluh atuk berumahtangga?**

HS : Ya.

NIA : **Berapakah bilangan anak atuk?**

HS : (bunyi ayam berkokok) Apa?

NIA : Berapakah bilangan anak atuk?

HS Bilangan? (bunyi ayam berkokok)

ANA : Berapa, berapa orang?

HS : Berapa orang? \_\_\_ sulung. Tunggu *kito* [saya] *nak* [hendak] ingat jugak *la* [tabiat percakapan orang Malaysia] yang *tu* [itu]. Tidak ingat *ni* [ini]. (bunyi ketukan). Che, Che Mat Salleh. (bunyi kertas). Yati, Mek Yah. (bunyi ayam berkokok) *Lima* [5] orang (bunyi kertas).

ANA : **Lima orang anak-anak atuk?**

HS : Yang ada *enam* [6] orang. *Enam* [6] orang.

ANA : **Enam orang?**

HS : *Enam* [6] orang. *Enam* [6] orang.

NIA : **Berapa bilangan anak lelaki dan berapa bilangan anak perempuan?** (bunyi ayam berkokok)

HS : Anak lelaki. Nombor *satu* [1] anak lelaki, nombor *dua* [2] anak lelaki, nombor *tiga*

[3] anak lelaki. Selepas anak itu yang perempuan nombor *empat* [4]. Nombor *empat* [4], nombor *lima* [5], nombor *enam* [6], nombor *enam* [6] yang bongsu nombor *enam* [6]. (bunyi ayam berkokok).

ANA : **Jadi, *tiga* [3] lelaki *tiga* [3] perempuan *la* [tabiat percakapan orang Malaysia] anak atuk?**

HS : Ya. *Tiga* [3] lelaki, *tiga* [3] perempuan.

ANA : **Dan siapakah mereka? Bolehkah atuk terangkan siapakah nama nanak atuk?**

HS : Nama anak. Nama anak yang sulung nama Che Mat Zaidin, Che Mat Zaidin bin Hamid, yang kedua Abdullah bin Hamid. Nombor *tiga* [3], Mat Salleh bin Hamid. Nombor *empat* [4], Yati binti Hamid. Nombor *lima* [5], (bunyi ayam berkokok) Noryah binti hamid. Nombor *enam* [6], Leha binti Hamid.

NIA : **Berapa bilangan cucu atuk?**

HS : Cucu? (bunyi ayam berkokok) Selepas anak, cucu. Banyak anak yang sulung. Anak, cucu (bunyi kertas)(bunyi ayam berkokok) anak yang sulung\_\_\_\_\_

ANA : **Jadi cucu, cucu atuk *empat* [4] orang?**

HS : Ya.

ANA : Berapa orang? *Empat* [4] orang.

HS : *Empat* [4] orang tu anak, anak yang sulung.

HS : Anak yang sulung *empat* [4] orang.

ANA : *Empat* [4] orang anak yang sulung.

HS : Lelaki *tiga* [3], perempuan *satu* [1].

ANA : **Adakah atuk mempunyai cicit?**

HS : Ada.

ANA : Ada?

HS : Ya. Banyak *la* [tabiat percakapan orang Malaysia] cicit.

ANA : **Berapa, berapa orang?** (bunyi ayam berkokok)

HS : (Gelak) Tidak ingat atuk *pun* [tabiat percakapan orang Malaysia] berapa orang cicit.

ANA : **Apakah hobi atuk pada waktu lapang?**

HS : Apa?

ANA : **Atuk suka buat (bunyi ayam berkokok) aktiviti apa pada waktu lapang?**

HS : Waktu senang?

ANA : Ya.

HS : Waktu lapang, buat kerja. Tanya tu, *kito* [saya] buat kerja? Waktu senang masa muda dahulu *kito* [saya] menoreh.

HS : Menoreh sendiri. (bunyi kertas).

NIA : **Apakah makanan kegemaran atuk?**

HS : Apa?

NIA : Makanan kegemaran atuk?

HS : Makanan?

NIA : Ya.

HS : Makanan, makanan macam *ni* [ini] *je la* [tabiat percakapan orang Malaysia]. Makan pagi, *kito* [saya] minum air kopi, teh dengan kuih *nak* [hendak] pergi kerja *tu* [itu]. Tok\_\_\_

ANA : **Apakah minuman kesukaan atuk?**

HS : Minuman *tu* [itu]. Tengah-tengah hari minum, *kito* [saya] minum air susu. air *apo*

*gitu* [apa-apa sahaja] *la* [tabiat percakapan orang Malaysia] *nak* [hendak] pergi balik kerja *tu* [itu] air teh panas.

NIA : **Apakah cita-cita atuk pada masa kecil dulu, dahulu?**

HS : Cita-cita, (bunyi ayam berkokok) cita-cita tok? Cita-cita *kito* [saya] tidak ada cita lain *kito* [saya]. Cita *kito* [saya] *nak* [hendak] buat, *nak* [hendak] buat kebun. *Nak* [hendak] buat apa, *Nak* [hendak] buat \_\_\_*nak* [hendak] bagi, *nak* [hendak] bagi boleh mudah sedikit *la* [tabiat percakapan orang Malaysia].

HS : Bergantung pada kebun *duk kato duk noreh* [yang sekarang tengah menoreh] *pun* [tabiat percakapan orang Malaysia] yang atuk tanam sendiri *la* [tabiat percakapan orang Malaysia] *tu* [itu]. Atuk tanam sendiri.

ANA : **Atuk tanam sendiri?**

HS : Atuk menebas menebang semak-samun *pun* [juga] saya. Atuk tebang sendiri, tanam *pun* sendiri, menjaga *pun* [juga] sendiri.

NIA : **Apakah pengalaman paling manis yang pernah dialami pada masa kecil dahulu?** (bunyi ayam berkokok)

HS : Masa kecil?



NIA : Pengalaman yang manis?

HS : Pengalaman *kito* [saya], pengalaman *kito* [saya] yang atuk *la* [tabiat percakapan orang Malaysia] tengah buat. Kadang-kadang mereka suruh buat sarung parang, sarung pisau. Yang *tu* [itu] kito buat (bunyi ayam berkokok) permintaan.

ANA : **Dimanakah atuk mendapat pendidikan awal?** (bunyi ayam berkokok)Atuk bersekolah dahulu?

HS : Tidak ada sekolah datuk. Datuk tidak bersekolah. Masa datuk, (bunyi ayam berkokok) atuk dahulu tidak ada sekolah.

ANA : **Tidak ada sekolah pada waktu itu?**

HS : Tidak ada sekolah *la* [tabiat percakapan orang Malaysia]. Masa *tu* [itu] tidak ada.

ANA : **Sepertimana yang atuk ceritakan, atuk tidak mendapat pendidikan awal. Jadi apa yang atuk lakukan untuk mendapat pendidikan? Atuk belajar dengan siapa?** (bunyi ayam berkokok).

HS : Belajar, *kito* [saya] belajar *ni* [ini]. Belajar mengaji *ni* [ini]. Mengaji, mengaji al-quran *kan* [tabiat percakapan orang Malaysia]. Mengaji untuk *kito* [saya] nak [hendak] membuat amal ibadat *tu* [itu] *la* [tabiat percakapan orang Malaysia].

Sekolah *tu* [itu] tidak. Mengaji al-quran *ni* [ini] *la* [tabiat percakapan orang Malaysia].

ANA : **Atuk mengaji Al-Quran?**

HS : Al-quran, mengaji *pun* [tabiat percakapan orang Malaysia] setakat boleh. Buat amal macam itu *la* [tabiat percakapan orang Malaysia]. Tidak pandai sangat. Al-quran *pun* [tabiat percakapan orang Malaysia] tidak habis datuk mengaji. Setakat boleh buat baca ayat sembahyang macam itu.

ANA : **Dimanakah atuk belajar membaca Al-Quran?**

HS : Apa?

ANA : Dimana, dengan siapa?

HS : Tok guru *kito* [saya] arwah Deraman. Arwah Deraman, mereka panggil Deraman.

ANA : Deraman?

HS : Ya, Deraman, anak Tok Budin.

ANA : Anak Tok Budin?

HS : Deraman. Deraman anak Tok Budin. *Kito* [saya] belajar.

**TAMAT BAHAGIAN A**

## BAHAGIAN B : KERJAYA TOKOH

NIA : **Jadi kita beralih ke topik yang lebih mendalam (bunyi ayam berkokok) iaitu kerjaya tokoh. Adakah ibu bapa atuk menyokong pilihan atuk menjadi homeguard?**

HS : Yang menjadi homeguard (bunyi ayam berkokok) atuk itu, ayah *kito* [saya] tidak larat dah [sudah] masa *tu* [itu]. Dia tengah tidak boleh *nak* [hendak] buat kerja apa-apa dah dia. Jadi atuk *la* [tabiat percakapan orang Malaysia] menjaga dia *pun* [juga] atuk jaga, makan dia *pun* [juga] atuk. Dia tidak larat *nak* [hendak] buat apa. (bunyi ayam berkokok) Cari makan sana sini *pun* [juga] atuk cari. Atuk beri makan kepada dia.

ANA : Masa itu ayah atuk sakit apa?

HS : Saman.

ANA : Sakit?

HS : Saman. (bunyi ayam berkokok) Dia tidak ada. Dia tidak larat tua *la* [tabiat percakapan orang Malaysia]. Tidak larat tua.

HS : Saman bin umar nama dia .

NIA : **Sebelum atuk menjadi homeguard, atuk bekerja dimana?**

HS : Bekerja di Kampung Lawar *ni* [tabiat percakapan orang Malaysia] .

NIA : **Bagaimana atuk tergerak hati untuk menjadi homeguard?**

HS : Menjadi homeguard *tu* [itu]. Jadi kerajaan, kerajaan kita *ni* [ini] dia letak kita menjadi homeguard suruh jaga kampung, kawal kampung. Tidak bagi komunis masuk sana sini *je la* [tabiat percakapan orang Malaysia]. Dia suruh kita jaga *tu* [itu]. (bunyi ayam berbunyi)

NIA : **Adakah atuk mendapat latihan sebelum menjadi homeguard?**

HS : Tidak ada. Tidak ada latihan apa. Jadi dia ambik kesempatan masa darurat *tu* [itu] *je* [tabiat percakapan orang Malaysia]. Beri senjata api terus. Suruh kita jaga terus. Tidak ada pelajaran apa. Tidak ada.

NIA : Tidak ada latihan apa-apa?

HS : Tidak ada. Selepas *tu* [itu] baru ada latihan. Masa homeguard *tu* [itu] baru ada latihan.

HS : Baru mari orang dia hantar mari untuk buat latihan masa *kito* [saya] menjadi homeguard.

ANA : **Selepas menjadi homeguard baru dapat latihan?**

HS : Ya, *kito* [saya] pegang senjata *dah* [sudah]. Beri hantar orang dia mari itu suruh belajar cara masuk senjata. Masa *tu* [itu] *dah* [sudah]. Sebelum *tu* [itu] belum lagi.

NIA : **Apakan jawatan dan tugas atuk semasa menjadi homeguard?**

HS : Jawatan? Tidak ada jawatan (bunyi ayam berbunyi). Mereka panggil macam itu *je la* [tabiat percakapan orang Malaysia]. Homeguard macam itu *je la* [tabiat percakapan orang Malaysia]. Jadi homeguard semua. Kampung Lawar *ni* [ini] *lapan* [8] orang (bunyi ayam berbunyi) homeguard termasuk atuk. Letak macam itu. Tidak ada panggil nama macam itu macam ini dalam homeguard. Tidak ada, panggil nama biasa macam itu *je la* [tabiat percakapan orang Malaysia] (bunyi ayam berbunyi).

ANA : **Apakah pekerjaan atuk semasa menjadi homeguard? Atuk ditugaskan untuk mengawal kampung?**

HS : Masa *kito* [saya] menjadi homeguard itu musim *puye* [musim] buat padi. *Kito* [saya] buat padi. *Tu* [itu] *la* [tabiat percakapan orang Malaysia] padi. Pagi *kito* [saya] pergi buat kerja. *Kito* [saya] balik selepas zohor *tu* [itu], tidak ada tidak turun *dah*

[sudah]. Tidak ada pergi buat kerja *dah* [sudah] *la* [tabiat percakapan orang Malaysia]. \_bersiap-siap petang *ni* [ini] untuk *nak* [hendak] jaga *dah* [sudah] (bunyi ayam berbunyi).

ANA : Petang berjaga?

HS : Sebab pagi sekejap buat kerja. Petang *tu* [itu] tidak boleh *dah* [sudah]. Makan-makan siap, berehat. Tunggu gelap *nak* [hendak] jaga *dah* [sudah] malam.

ANA : **Dari petang sampai ke pagi atuk bekerja homeguard?**

HS : (bunyi ayam berbunyi) itu pukul *enam* [6] petang berjaga.

ANA : Pukul *enam* [6] petang?

HS : Pukul *enam* [6] petang sampai ke pagi.

NIA : **Berapakah bilangan homeguard pada masa itu? Bilangan homeguard?**

HS : Bilangan?

ANA : Berapa orang?

HS : Homeguard, *kito* [saya] cuma boleh bagitahu tempat *kito* [saya]. Tempat lain *kito* [saya] tidak tahu. Tempat kita *ni* [ini] *lapan* [8] orang (bunyi ayam berbunyi). *Lapan* [8] orang. Bergilir-gilir jaga.

ANA : Bergilir-gilir jaga?

HS : Bergilir jaga.

ANA : **Adakah semua homeguard itu lelaki?**

HS : Lelaki sahaja masa *tu* [itu].

ANA : **Tidak ada perempuan? (bunyi ayam berbunyi)**

HS : Tidak ada.

ANA : **Berapakah bilangan homeguard yang ditugaskan pada *satu* [1] masa?**

HS : *Satu* [1] masa *dua* [2] orang sekali. Sekali *kito* [saya].

ANA : Dua orang?

HS : Sekali *kito* [saya] bertugas *dua* [2] orang.

NIA : **Siapakah ketua bagi homeguard pada masa itu?**

HS : Ketua homeguard, ketua stesen dia *dua* [2] pangkat. Stesen yang besar *satu* [1].  
Yang kampung *ni* [ini], dia panggil ketua. *Dua* [2] orang ketua. Yang ketua besar

Abu bin Mat De.

ANA : Abu Bin Mat De?

HS : Ketua, ketua protesen. Ketua platun.

ANA : Ketua platun pada masa itu?

HS : Ya, masa homeguard.

ANA : Ken - - -

HS : Mereka panggil pak cik Abu *kan* [tabiat percakapan orang Malaysia]. Anak dengan itu isteri dia masih ada di Batu Melintang *tu* [itu] *kan* [tabiat percakapan orang Malaysia] *tu* [itu].

ANA : Suami? Suami - - -

HS : *Suami dia tak meninggal lagi* [isteri dia tidak meninggal lagi]. Dia meninggal, Abu Bin Mat De.

NIA : **Kenapa homeguard ditubuhkan?**

HS : Apa?

NIA : Kenapa homeguard ditubuhkan?

HS : Tumbuh?



NIA : Tubuh?

HS : Tubuh? Tubuh homeguard (bunyi ayam berbunyi) *tu* [itu]. Itu masa penjajah lagi. *Dia* [british] ambil alih. Selepas itu, dapat kepada jepun *tu* [itu]. Kemudian dapat balik kepada *dia* [british]. Dapat balik kepada *dia* [british] *tu* [itu]. Orang putih *DO* [District Officer]. *DO* [District Officer] Bukit Mertajam *ni* [ini] datang. Datang tubuh homeguard.

ANA : *DO* [District Officer]?

HS : *DO* [District Officer]. *DO* [District Officer] Perak. *DO* [District Officer] Bukit Mertajam.

HS : Datang panggil orang-orang kampung *ni* [ini]. Itu *nak tak* [hendak ke tidak] kalau kerajaan beri senjata untuk *nak* [hendak] lawan komunis. Nak ke *tak* [tidak]. Jadi yang mana pergi *tu* [itu] semua sanggup. Sanggup nak lawan.

ANA : Sanggup nak lawan?

HS : *Tu* [itu] *dia* [british]. Dia bagi senjata *tu* [itu]. *DO* [District Officer] Perak *nuh* [sana]. *DO* [District Officer] Bukit Mertajam. *DO* [District Officer]. Masa *tu* [itu] *DO* [District Officer] orang putih *tu* [itu] *kan* [tabiat percakapan orang Malaysia] Masa selepas daripada jepun *tu* [itu]. Selepas daripada jepun *tu* [itu]. Dia

memerintah balik pula. Mula *tu* [itu] dia *dah* [sudah]. *Dia* [british], asal *dia* [british]. Selepas perang jepun, selepas daripada perang jepun *tu* [itu] *dia* [british] ambil balik. *Dia* [british] ambil balik. Dia ambil balik *tu* [itu] *dia* [british] memerintah. Masa *tu* [itu] *la* [tabiat percakapan orang Malaysia] komunis yang *tu* [itu] *la* [tabiat percakapan orang Malaysia] *kito* [saya] menjadi homeguard *tu* [itu]. Menjadi homeguard *tu* [itu], pegang senjata *tu* [itu], *dia* [british] *la* [tabiat percakapan orang Malaysia] bagi berceramah, beri senjata *tu* [itu] *DO* [District Officer].

ANA : *DO* [District Officer]?

HS : *DO* [District Officer] Bukit Mertajam. *DO* [District Officer] Perak. Mereka panggil *DO* [District Officer] Pendek.

ANA : *DO* [District Officer] Pendek?

HS : *DO* [District Officer] orang putih *la* [tabiat percakapan orang Malaysia] *tu* [itu].

ANA : Orang putih *la* [tabiat percakapan orang Malaysia] *DO* [District Officer] itu?

HS : Orang putih. Ya, orang putih juga.

ANA : **(bunyi ayam berbunyi) Apa kenderaan yang atuk guna semasa bertugas? Semasa bertugas menjadi homeguard, masa itu atuk guna kenderaan apa?**

HS : Tidak ada kenderaan. Basikal *pun* [juga] tidak ada. Motorsikal *pun* [juga] tidak ada. Kereta lagi tidak ada. Jalan *pun* tidak ada.

ANA : Pada masa itu?

HS : Jalan *ni* [ini] tidak ada *ni* [ini]. *Ni* [ini] jalan *ni* [ini] jalan orang sini pergi Tanah Merah *ni* [ini] hilir ikut sungai...

ANA : Ikut sungai?

HS : Ya, hilir ikut sungai dengan buluh.

ANA : Dengan buluh?

HS : Mudik *tu* [itu] berjalan kaki. Dua tiga malam boleh sampai sini. Tanah Merah sekarang *ni* [ini] mereka panggil Tanah Merah. Dahulu Bukit Khemah *tu* [itu].

ANA : Bukit khemah?

HS : Sekarang tukar, tukar Tanah Merah. Dahulu Bukit Khemah. Tiga malam empat malam berjalan baru balik, baru sampai kampung (bunyi ayam berbunyi). Tidak ada jalan. Jalan *ni* [ini] jalan masa sekarang *ni* [ini] *dah* [sudah], masa kita memerintah. *Umno* [United Malay National Organisation] memerintah *dah* [sudah]. *Ni* [ini] jalan *ni* [ini].

ANA : Selepas merdeka?

HS : Selepas merdeka *dah* [sudah] *ni* [ini], jalan *ni* [ini] buat *ni* [ini]. Pada mulanya tidak ada. Masa *kito* [saya] homeguard dahulu, orang putih buat mudik wayang gambar di Jeli. *Kito* [saya] sini pergi ambil usung ibu wayang gambar, usung ikut darat.

ANA : Usung ikut darat?

HS : Ya, mari Jeli usung ikut darat. Ibu wayang gambar. *Escort* [pengiring]. *Escort* [pengiring] pergi dengan dengan senjata. *Kito* [kami] puak homeguard *ni* [ini] pergi. Homeguard *ni* [ini] pergi juga usungnya.

ANA : Usung dengan apa?

HS : Usung ibu wayang gambar. Enjin dia la yang untuk - - -

ANA : Usung dengan apa?

HS : Usung dengan kayu la.

ANA : **Berapa orang usung?**

HS : Usung dua orang, sekali usung, dia bergilir-gilir *la* [tabiat percakapan orang Malaysia]. Kalau lenguh dua orang, orang lain pula. Usung atas bahu *kan* [tabiat percakapan orang Malaysia].

NIA : **Boleh atuk terangkan secara terperinci pakaian yang digunakan semasa menjadi homeguard?**

ANA : Semasa atuk menjadi homeguard, atuk pakai baju jenis apa?

HS : Macam-macam *la* [tabiat percakapan orang Malaysia] *kito* [saya] pakai untuk *kito* [saya] nampak kemas untuk *kito* [saya] sedia senjata *kan* [tabiat percakapan orang Malaysia] kena pakai seperti kemas seperti untuk pegang senjata. Saya berlawan dah *la* [tabiat percakapan orang Malaysia]. Bukan setakat pegang senapang sahaja. Kampung Lawar sahaja dua tiga kali masuk *ni* [ini] selalu tembak.

ANA : Komunis?

HS : Ya, malam *kito* [saya] jaga kubu *ni* [ini].

ANA : **Atuk berlawan dengan komunis?**

HS : Berlawan *dah* [sudah] *la* [tabiat percakapan orang Malaysia]. Bukan setakat pegang sahaja. Yang berlawan masuk kampung, Kampung Lawar *ni* [ini], Kampung Durian Daun, Kampung Senik yang berlawan. Homeguard yang berlawan. Bukan pegang senjata sahaja macam sekarang, RELA. Sekarang tidak ada, dahulu berlawan bersungguh-sungguh. Dia masuk sungguh, masuk berlawan sungguh.

ANA : **Adakah atuk menerima gaji semasa bertugas menjadi homeguard?**

HS : (bunyi ayam berkokok) Tidak, tidak ada.

ANA : Tiada gaji?

HS : Tidak ada. Tidak ada gaji. Tidak ada gaji.

NIA : Dia sukarela?

HS : Sukarela. Tidak ada gaji.

ANA : Tiada gaji?

HS : Ya.

NIA : **Bagaimana keadaan pada masa itu?**

HS : Keadaan *kito* [saya] tidak ada apa-apa. *Kito* [saya] bila gelap *kito* [saya]. *Kito* [saya] berkemas selepas sudah makan. Pukul *enam* [6] berjaga. Keesokan pagi pergi kerja untuk *nak* [hendak] makan Itu sahaja. Kerja bendang, kerja sawah untuk buat padi. *Tu* [itu] *je* [sahaja] (bunyi ayam berkokok).

ANA : **Bagaimanakah keadaan kampung pada masa komunis ada?**

HS : Kampung *kito* [saya] masuk mula bukan tinggal di kampung *ni* [ini]. Kampung bawah nuh [sana]. *Kito* [saya] *demo* [mereka] paksa suruh mengelilingi kampung *tu* [itu] buat pagar, *pagar sasok* [pagar buluh].

ANA : Pagar buluh?

HS : Ya, mengelilingi kampung *kito* [saya] jaga. Dalam likungan *tu* [itu] *la* [tabiat percakapan orang Malaysia] *kito* [saya] jaga.

ANA : **Dalam pagar buluh?**

HS : Ya, pagar buluh.

ANA : **Berapakah bilangan komunis pada masa itu?**

HS : Komunis? Tidak boleh *nak* [hendak] bagitahu. Seramai mana *kito* [saya] tidak tahu sebab komunis *ni* [ini] banyak, bukan sedikit. Beribu-ribu mereka *ni* [ini]. Tapi yang masuk *tu* [itu], (bunyi motorsikal) kadang-kadang *dia* [komunis] masuk *tiga* [3] orang. Malam *ni* [ini] masuk *dua* [2] *tiga* [3] orang. *Empat* [4] orang sekali dia masuk kampung *tu* [itu]. Dia masuknya bukan ramai masa mereka masuk. Tapi *dia* [komunis] *tu* [itu] memang ramai. Ramai *pun* [juga] *dia* [komunis] tidak masuk sini. *Dia* [komunis] tinggal di tempat dia *nuh* [sana]. *Kito* [saya] tidak tahu. *Kito* [saya] tidak boleh *nak* [hendak] bagitahu ramai setakat mana *pun* [juga] *kito* [saya] tidak tahu. Tetapi mungkin *dia* [komunis] *tu* [itu] bukan sedikit. Pertubuhan dia *tu* [itu]

ada beribu-ribu.

ANA : **Apakah yang dilakukan komunis pada masa itu? yang komunis lakukan dalam kampung?**

HS : *Dia* [komunis] masuk *dia* [komunis] *nak* [hendak] suruh, *dia* [komunis] *nak* [hendak] masuk *nak* [hendak] mengajak kami menjadi orang *dia* [komunis]. *Nak* [hendak] suruh lawan balik kerajaan. *Dia* *nak* [hendak] kami *ni* [ini] berpihak kepada *dia* [komunis]. Berpihak kepada *dia* [komunis], *nak* [hendak] suruh kami lawan kerajaan. *Tu* [itu] dianya. Kami tidak mahu. Kami *nak* [hendak] kerajaan kita.

ANA : **Adakah komunis merompak barang-barang dalam kampung? Merompak penduduk di kampung?**

HS : *Dia* [komunis] tidak rompak. Masa itu *dia* [komunis] *nak* [hendak]. *Dia* [komunis] mengajak kami pergi ke rumah yang mana *dia* [komunis] mahu. *Dia* [komunis] *nak* [hendak] ambil padi masa itu, padi beras *kan* [tabiat percakapan orang Malaysia]. Makanan *dia* tidak bawa. Bawa sedikit makanan. *Dia* [komunis] *nak* [hendak] makan selepas datang kampung ini. *Dia* *nak* [hendak] makan di kampung ini. Yang mula-mula *dia* datang itu, *kito* [saya] tidak menjadi homeguard lagi masa itu. *Dia* [komunis] mengajak kami suruh tunjuk rumah itu, *dia* *nak* [hendak] benda itu, *nak* [hendak] padi sebanyak mana, berapa gantang. Berapa puluh gantang padi masa itu. Kami kena pergi ikut *dia* sebab kami tidak ada senjata. Kerajaan tidak bagi senjata



lagi. Terpaksa ikut *dia* [komunis] *la* [tabiat percakapan orang Malaysia] masa itu. *Tu* [itu] *je* [sahaja] *la* [tabiat percakapan orang Malaysia]. Masa dahulu.

NIA : **Dimanakah kubu kuat komunis pada masa itu?**

HS : Kubu komunis?

NIA : Ya.

HS : Masa itu kubu *dia* [komunis], *ibu* [pusat] tempat *dia* [komunis] di *Siam* [Thailand], Betong tempat *dia* [komunis].

ANA : Betong?

HS : Betong. Betong negeri *Siam* [Thailand]. Kampung Betong. Betong tempat *dia* itu Tempat komunis. Betong yang tapak tempat *dia* [komunis], puak *dia* [komunis]. Tempat *dia* [komunis] berpecah *ni* [ini], *ni* [ini] sebelah negeri kita *ni* [ini] Kelantan *ni* [ini] Gua Musang.

ANA : Gua Musang?

HS : Ya Gua Musang. *Dia* [komunis] datang dari Gua Musang. *Dia* [komunis] datang ke Kampung Lawar *ni* [ini].

HS : Datang dari Gua Musang. Datang ke Kampung Lawar.

ANA : **Dari Gua Musang datang ke kampung lawar?**

HS : Ya, datang dengan segera. *Dia* [komunis] berjalan kaki.

ANA : Jalan kaki?

HS : Berjalan kaki turun ikut bukit.

NIA : **Tiada kenderaan lain ke?**

HS : Apa?

NIA : Diaorang tidak guna kenderaan?

HS : Tidak ada. Tidak ada, berjalan kaki. Tidak ada kenderaan masa itu. Kenderaan *pun* [juga] tidak ada. Jalan *pun* [juga] tidak ada. Jalan tidak ada. Jalan sehingga (bunyi ayam berkokok) hanya Tanah Merah ada jalan dahulu. Jalan Tanah Merah ke sini tidak ada jalan. Jalan cuma jalan orang berjalan kaki (bunyi ayam berkokok), mengandar, memikul. Lorong-lorong jalan tebas dengan parang macam itu *je* [sahaja] *la* [tabiat percakapan orang Malaysia]. (bunyi sendawa)

NIA : **Bagaimana komunis ditumpaskan?**

HS : Apa?

NIA : Bagaimana komunis ditumpaskan?

ANA : Dikalahkan?

HS : Apa?

ANA : Bagaimana komunis dikalahkan?

HS : Galas?

ANA : Dikalahkan? Komunis ditewaskan?

HS : *Dia* [komunis] berlawan dengan kita?

ANA : Ya.

HS : *Dia* [komunis] masuk. *Dia* [komunis] masuk kampung kita. Kita tembak. Tidak bagi *dia* [komunis] masuk. Tapi *dia* [komunis] tidak buat.

ANA : *Dia* [komunis] tidak tembak?

HS : *Dia* [komunis] tidak tembak kita. Kita tembak *dia* [komunis].

ANA : **Pada masa itu komunis itu ada senjata?**

HS : Ada senjata dengan bom, dengan bom tangan *pun* [juga] ada. Mungkin ketua *dia* [komunis] tidak bagi buat sebab *nak* [hendak] suruh kita berbaik dengan *dia* [komunis]. Ketua *dia* [komunis] bagi arahan macam itu.

ANA : **Untuk ajak penduduk?**

HS : *Ketua* [komunis] bagi arahan tidak boleh buat apa-apa sekalipun sebab *nak* [hendak] suruh kita ikut *dia* [komunis].

ANA : **Bolehkah atuk ceritakan bagaimana dan kenapa komunis terbentuk pada masa itu? Bagaimana komunis terbentuk? Siapa yang tubuhkan komunis?**

HS : Gelaran dia? Terbentuk komunis, datang, tidak tahu *kito* [saya] *pun* [juga] sebab dia mari *nak* [mahu] kita. Kita *pun* [juga] tidak tahu bagaimana *dia* [komunis] terbentuk. Puak dia *nak* [hendak] terbentuk, puak *dia* [komunis] *nak* [hendak] terbentuk (gelak), *nak* [hendak] masuk sini, puak-puak *dia* [komunis] merancang *nak* [hendak] datang, *kito* [saya] tidak tahu.

ANA : Tidak pasti?

HS : Ya, *kito* [saya] tidak tahu.

ANA : **Adakah disebabkan oleh penjajahan jepun dahulu?**

HS : Apa?

ANA : Adakah disebabkan penjajahan jepun dahulu (Bunyi motorsikal) ? Komunis terbentuk.

HS : Ya, Macam ini la [tabiat percakapan orang Malaysia]. Dia masa *tu* [itu] (bunyi ayam berkokok) dia jadi komunis *tu* [itu] sebab dia jadi komunis, dia perang jepun, dia perang jepun *tu* [itu] senjata yang perang jepun *tu* [itu] mula-mula selepas daripada perang jepun *tu* [itu] dia *timbul* [muncul] puak-puak melayu.

ANA : Puak-puak melayu?

HS : Puak-puak orang kita islam *ni* [ini] jadi perompak.

ANA : Jadi perompak?

HS : Jadi perompak *nak* [hendak] barang makanan sebab tidak ada, masa kesempatan huru-hara perang jepun *kan* [tabiat percakapan orang Malaysia]. Tidak ada makanan. Orang tidak ada makanan sebab susah masa huru-hara perang jepun. Tidak ada siapa buat makanan. Tidak mahu susah jadi dia ambil kesempatan *tu* [itu] ambil senjata di pusat puak jepun mati puak-puak askar *balik* [arah] *ni* [ini] pun mati kan [tabiat percakapan orang Malaysia]. Kedua-dua tidak ambil tahu *blako* [semua] jadi komunis kesempatan, itu yang orang-orang kita *ni* [ini] ambil senjata *tu* [itu].

ANA : Ambil senjata *tu* [itu]?

- HS : Bawa mari kampung *nu* [sana] dengan puak-puak kampung *ni* [sini], puak melayu.
- ANA : Guna senjata *tu* [itu] untuk merompak?
- HS : Puak-puak melayu panggil perompak masa *tu* [itu].
- ANA : Panggil perompak?
- HS : Ya.
- ANA : Bukan komunis la?
- HS : Bukan komunis lagi, tidak panggil komunis lagi masa *tu* [itu], dia *tiga* [3] tangga *nak* [hendak] baru jadi komunis (Bunyi ayam Berkokok). Selepas itu, selepas daripada hilang perompak melayu, hilang perompak-perompak melayu, *timbul* [muncul] perompak cina pula.
- ANA : Apa?
- HS : Orang Cina *pun* [juga] panggil perompak bukan komunis lagi masa *tu* [itu].
- ANA : Dia tidak panggil komunis lagi?
- HS : Ya, perompak cina, dia pakai topi bintang putih .
- ANA : Bintang Putih?
- HS : Bintang, bintang putih, bintang *tiga* [3] .
- ANA : Bintang *tiga* [3]?

- HS : Atas dahi, atas topi perompak cina orang panggil.
- ANA : Perompak Cina? Berapa bintang?
- HS : *Tiga* [3] bintang.
- ANA : *Tiga* [3] bintang, perompak cina.
- HS : Cina perompak orang panggil cina perompak (bunyi ayam berkokok), Selepas itu, muncul komunis pula.
- ANA : Komunis?
- HS : Ya. Komunis, tidak panggil perompak *la* [tabiat sebutan orang Malaysia] panggil komunis sahaja. *Hok* [yang] *tu* [itu] yang selalu atuk pegang senjata *tu* [itu] yang komunis.
- ANA : Masa *tu* [itu] komunis *ia* [dia] pakai baju, pakai topeng?
- HS : Pakai topi. *Dia* [komunis] topi *dia* [komunis] topi macam ini, topi macam ini, topi kuning.
- ANA : Topi kuning?
- HS : Kuning, kuning.
- ANA : Tak ada bintang?
- HS : Ada bintang *dah* [sudah].
- ANA : Komunis masa *tu* [itu]?

HS : Apa?

ANA : Berapa bintang? *Tiga* [3]?

HS : Yang *tu* [itu] *tiga* [3].

HS : Bintang *Tiga* [3]. Bintang *tiga* [3].

ANA : Bintang *Tiga* [3].

NIA : **Boleh atuk ceritakan pengalaman manis semasa menjadi homeguard?  
Pengalaman manis?**

ANA : **Kenangan manis semasa menjadi homeguard yang atuk tidak boleh lupakan?  
Kenangan manis?**

HS : *Kito* [saya] tidak tahu *dah* [sudah] lama.

ANA : Kenangan manis yang atuk tidak boleh lupakan seperti atuk bekerja dengan rakan baik?

HS : Apa?

ANA : **Apakah pengalaman manis?**

HS : Pengalaman, pengalaman.

ANA : Semasa menjadi semasa atuk menjadi homeguard?

HS : Ya.



ANA : **Apakah Pengalaman manis (Bunyi motorsikal)?**

HS : Tidak tahu *dah* [sudah] yang *tu* [itu] *lagu* [macam] mana, pengalaman manis *lagu* [macam] mana (ayam Berkokok).

ANA : Atuk tidak ingat?

HS : Ya, pengalaman *kito* [saya] jadi *tu* [itu] *la* [tabiat percakapan orang Malaysia] mesyuarat selalu puak kita, nak [hendak] jaga *lagu* [macam] mana, cadang dia *nak* [hendak] masuk penjuru mana ,*kot* [ikut] mana malam *ni* [ini] kita *dok* [duduk] mana *tu* [itu] *la* [tabiat percakapan orang Malaysia].kita.

ANA : Pengalaman manis

HS : Pengalaman?

ANA : **Boleh Atuk ceritakan pengalaman pahit semasa menjadi homeguard?Yang atuk, Semasa menjadi homeguard yang atuk rasa sedih. Pernahkah atuk rasa sedih? (bunyi ayam berkokok).menjadi homeguard?**

HS : Sedih *la* [tabiat percakapan orang Malaysia] masa *tu* [itu] kita *nak* [hendak] makan *pun* [juga] susah. Kita masa *tu* [itu] *bini* [isteri] *pun* [juga] tidak ada untuk kita jaga kampung .*Pak* [ayah] dengan Mak *kito* [saya] pelihara sedih *la*

[Tabiat percakapan orang malaysia]

*Kito* [saya] hari-hari pagi *kito* [saya] buat kerja ,petang menjaga sampai cerah isyak. Yang *tu* [itu] *la* [tabiat percakapan orang Malaysia] kita. Sedih la kita *ni* [ini].(bunyi ayam berkokok).

NIA : **Berapa lamakah atuk bekerja sebagai homeguard?(bunyi motorsikal)**

HS : Homeguard jaga ,yang jaga homeguard ,yang jadi homeguard *tu* [itu] *dua* [2] tahun lebih ,yang jadi homeguard tapi masa yang jaga ikut masa tidak tidur malam *enam* [6] bulan lebih.

ANA : *Enam* [6] bulan ?

HS : *Enam* [6] bulan yang tidak tidur malam.

HS : Jaga sungguh yang *tu* [itu] yang *enam* [6] bulan *tu* [itu].

NIA : **Pada umur berapa atuk menjadi homeguard?**

HS : Jadi homeguard itu, *kito* [saya] tidak tahu umur berapa, barangkali dalam umur *enam puluh* [60] lebih, *tujuh puluh* [70] *tu* [itu] *la* [tabiat percakapan orang Malaysia].

NIA : **Selain daripada menjadi homeguard (Bunyi ayam berkokok) atuk ,apakah pekerjaan atuk?**

HS : Lepas?

ANA : Pekerjaan sampingan atuk, selain menjadi homeguard atuk buat kerja apa?

HS : Masa *tu* [itu], masa jadi homeguard *kito* [saya] duk buat bendang selepas menebas, tanam padi (Bunyi ayam berkokok). Buat bendang selepas kita menebas , ambil tanah tanam getah yang *tu* [itu] *la* [tabiat percakapan orang Malaysia].

ANA : **Adakah atuk mahir dalam bidang pertukangan?**

HS : Tukang?

ANA : Ya, Tukang

HS : Tukang, *kito* [saya] buat pandai sendiri *je* [sahaja] bukan *kito* [saya] belajar tidak (Bunyi ayam Berkokok). *Kito* [saya] buat sarung golok , sarung pisau, mata keris ,mata golok pun *kito* [saya] buat sendiri. Buat dengan buat macam *tu* [itu] buat dengan tidak belajar tidak ada apa-apa , buat dengan sendiri macam *tu* [itu] *la* [Tabiat percakapan orang Malaysia]. Tidak kata pergi belajar di tempat pertukangan ke apa tidak.

ANA : Tidak ada belajar dengan siapa?

HS : Tidak *kito* [saya] ada keluar idea sendiri *kito* [saya] *nak* [hendak] buat *lagu* [macam] *ni* [ini] kita buat (bunyi ayam berkokok).

ANA : **Adakah atuk pernah menjawat sebarang jawatan penting sepanjang bergelar menjadi homeguard?**

HS : Tidak ada.

ANA : Tidakada jawatan?

HS : Tidak ada jawatan.

ANA : Cuma ahli biasa?

HS : Ya, Cuma ahli biasa *je* [sahaja] ahli homeguard biasa sahaja.

ANA : **(Bunyi ayam berkokok) Apakah sumbangan atuk sepanjang berkhidmat sebagai homeguard pada masa dahulu?**

HS : Apa?

ANA : Sumbangan. Sumbangan atuk?

HS : Sumbangan yang orang beri?

ANA : Sumbangan atuk bagi, atuk berikan semasa menjadi homeguard .Sumbangan atuk menjaga keamanan kampung?

- HS : Apa (bunyi ayam berkokok) kalau sumbangan *kita* [saya] beri ke *demo* [mereka] tidak ada. *Demo* [Mereka] beri ke *kito* [saya] *pun* [juga] tidak ada.
- ANA : **Bolehkah atuk ceritakan bagaimana keadaan Negara pada (bunyi ayam berkokok) masa ,pada zaman dahulu? .**
- ANA : Keadaan Negara pada zaman dahulu , sebelum merdeka ?
- HS : *Kito* [saya] tidak boleh cerita , atuk jadi tidak ingat *molek* [betul] juga jadi boleh *la* [tabiat percakapan orang malaysia] sikit-sikit *gitu ja* [begitu sahaja] *la* [Tabiat Percakapan orang malaysia] masa mula sebelum pada homeguard dahulu, sebelum pada dahulu, Negara kita ,orang putih *pegang* [memerintah].
- ANA : British?
- HS : Ya, British pegang selepas *tu* [itu] baru perang jepun , selepas jepun *tu* [itu] boleh balik ke orang putih pula. Selepas *tu* [itu], selepas balik ke orang putih komunis pula. Selepas komunis *tu* [itu] baru kita merdeka.
- ANA : Macam mana British tewaskan Jepun (bunyi motorsikal)?
- HS : Apa?
- ANA : **Bagaimanakah British tewaskan jepun?**
- HS : British tewaskan jepun ke? *hok* [yang] perang mula kita di Kelantan *ni* [ini]

kubu

Besar di Pengkalan Chepa dulu.

ANA : Pengkalan Chepa?

HS : Pengkalan Chepa *la* [sekarang] *ni* [ini] bukan ada askar di Pengkalan Chepa, disitu tempat kubu besar kubu dia ikut kawal. Ada orang jaga di dalam *tu* [itu] Sikh jaga dalam *tu* [itu].

ANA : Sikh?

HS : Ya, Sikh , askar Sikh ,askar *ni* [ini] bahasa iban *ni* [ini].

ANA : Askar.(bunyi ayam berkokok)

HS : Jaga dalam *tu* [itu].Dia pakai *demo*[mereka] panggil *bedil* [Senapang] meriam

ANA : *Bedil* [Senapang] Meriam

HS : *Demo*[Mereka] panggil *bedil* [senapang] meriam ,meriam besar,

ANA : Meriam Besar.

HS : *Mesin Gun* [Senapang] beratar *tu* [itu] jaga dalam *tu* [itu].Jepun dia *mari* [datang] *kot*[dari] laut *mari* [datang] dengan kapal besar dia.

ANA : Kapal besar?

HS : Kapal laut *kan* [Tabiat percakapan orang Malaysia] ,dia mari *tak* [tidak] sampai ke tepi ,pasal kapal dia besar dia terhalang oleh pasir dia tengah laut

*nu* [sana] *je* [sahaha] dan dia mari sampai tengah laut ini. Dia ada orang dia (bunyi ayam berkokok) dia rancang siap semua perahu getah.

ANA : Perahu getah?

HS : Ya, perahu getah yang untuk dia guna pam, pam, pam sampai penuh jadi perahu muat *tiga* [3] orang dia pecah *situ* [di situ] turun *mari* [ke sini] , nak *mari* [datang] ke tepi *ni* [ini] .Dia pecah atas kapal *tu* [itu] ,dia bawa perahu getah ketiga-tiga orang muat , muat *tiga* [3] orang sebuah perahu getah dia *tu* [itu].

ANA : Perahu?

HS : Dia pam, pam, pam bagi kembang angin *je* [sahaja] boleh *duk* [duduk] tiga orang , kayuh ke tepi (bunyi ayam berkokok) nak *mari* [datang] naik ke sebelah sini nak lawan kubu besar , nak pecahkan kubu.

ANA : *Nak* [Hendak] pecah kubu?

HS : Ya, *nak* [hendak] pecah kubu yang orang putih masuk *duk* [duduk] jaga *ni* [ini].

ANA : Apa nak masuk kubu orang putih?

HS : Ya, kubu.kubu orang putih *ni* [ini]. Dia *mari* [datang] ,*mari* [datang] kayuh mari *gitu*[macam] *tu* [itu] *la* [tabiat percakapan orang Malaysia] , kayuh mari [datang] dengan pengayuh dia ,dia *tak* [tidak] pakai enjin, dia kayuh *gitu je* [begitu sahaja].

ANA : Dia tidak pakai enjin.

HS : Sebab dia lepas tengah laut ,sebab kot sebeelah balik tepi *dah* [sudah] dia lepas *pun* [juga] (bunyi ayam berkokok) sebab kot dia lepas pun ,sebab ketengah pusat nu [sana] tidak tepi kot sebelah sampai ke tebing *dah* [sudah] *la* [Tabiat percakapan orang Malaysia], dia naik *takat* [paras] atas perahu dia (bunyi benda jatuh) pakat *mari* [datang] kayu *mari* [datang] ke tebing *ni* [ini] *la* [tabiat percakapan orang Malaysia] ,serupa dalam laut serupa *tak* [tidak] Nampak apa, nampak perahu bot *je* [sahaja] *la* [tabiat percakapan orang Malaysia].

ANA : Banyak?

HS : Banyak dengan tembak *demo ni* [mereka ini] Sikh dengan *machine gun* [mesin gun], yang itu serupa terkapar mati dalam laut (bunyi ayam berkokok).

ANA : (Bunyi ayam berkokok) Mati?

HS : Bulan-bulan masih busuk lagi.

ANA : Air?

HS : Busuk, busuk , bangkai jepun mati.

NIA : Ramai ke tidak?

NIA : **Ramai ke tidak yang mati?**



HS : Ramai *la* [Tabiat percakapan orang Malaysia], orang dia tidak tahu seramai mana mati. Sebelah sini *pun* [juga] mati juga *la* [Tabiat percakapan orang Malaysia]. Dia *mari* [datang] juga dia dengan banyak orang dia bukan, *duk* [tengah] tembak (bunyi ayam berkokok) yang *tu* [itu] mati, *mari* [datang] yang lain mati *dua* [2], *tiga* [3], empat [4] mati. *Dua* [2], *tiga* [3], *empat* [4], *lima* [5] lagi bertambah *mari* [datang] lagi banyak, lagi banyak mati, lagi banyak mati.

ANA : *Mari* [datang]?

HS : *Mari* [datang] *nak* [hendak] naik ke tebing ini, hendak naik ke tebing tempat kubu *ni* [ini] *nak* [hendak] memanjat kubu yang mereka jaga *ni* [ini] *duk* [tengah] tembak mereka dekat tempat jaga *ni* [ini] mati, mati *pun* [juga] *mari* [datang], datang juga *la* [Tabiat percakapan orang Malaysia] sampai dia boleh ke tebing juga.

HS : Batang *nyiur* [kelapa] ada sepokok dekat dengan kubu besar.

ANA : Kubu?

HS : Kena potong batang *nyiur* [Kelapa] *tu* [itu], tumbang batang *nyiur* [kelapa]. Suruh *tindih kawat* [letak atas pagar].

ANA : *Tindih* [letak atas] pagar?

HS : *Tindih* [letak] pagar kawat *ni* [ini] dekat di situ mati banyak *ni* [ini] (bunyi ayam berkokok) mati *tu* [itu] dia *tambun* [menimbun] orang-orang dia di kubu jadi tembak tak [tidak] masuk *la* [tabiat percakapan orang Malaysia].

ANA : **Dia ambil orang-orang yang mati *tu* [itu].?**

HS : Dia ambil orang-orang yang mati *tu* [itu], dia ambil dia *duk* [tengah] tambah orang dia keliling *ni* [ini] jadi masuk tebang ke dalam jadi orang tembak orang *ni* [ini] yang dia letak dekat luar *ni* [ini] jadi serupa kubu, mati. Tumbang batang *nyiur* [kelapa] *tu* [itu] baru boleh pecah kubu *tu* [itu] masuk pergi ke dalam yang bawa pedang itu *hambat* [kejar] pergi kerat bunuh habis askar-askar British *ni* [ini] .Hambat kerat dengan pegang gitu ja (macam itu sahaja). *hok* [yang] pedang *tu* [itu] *Anak Rimau Soyok* [Panggilan nama] nama yang bawa pedang.

ANA : *Anak Rimau Soyok* [panggilan nama] yang bawa pedang itu? (bunyi ayam berkokok)

HS : Ya, *Anak Rimau Soyok* yang bawa pedang *tu* [itu] pedang *tu* [itu] ada panjang itu kerat sekali dengan *bedil-bedil* [senapang-senapang] *hok* [yang] Sikh yang mana lari *hok* [yang] ada yang jaga *machine gun* (mesin gun) *1* [satu] dengan yang ada meriam besar *1* [satu] seorang *ja* [sahaja] yang jaga ,*demo* [mereka] *tambat* [ikat] pinjam ,orang putih *tambat* [ikat] *tak* [tidak] bagi lari yang *tu*

[itu].

ANA : *Tambat* [ikat] dengan rantai?

HS : Ya, *tambat*[ikat] dengan rantai,*hok* [yang] itu *duk* [tengah] tembak orang berapa ribu-ribu yang mati dalam laut ,jepun dulu 2[dua] orang itu yang *duk* [tengah] *gomo* [berlawan] yang jaga *machine gun* [mesin gun],yang jaga itu [itu] meriam,meriam besar *so* [satu] *machine gun* [mesin gun] *so*[satu].

ANA : 2 [Dua]?

HS : (Bunyi kertas) jaga yang itu *la* [Tabiat percakapan orang Malaysia] *demo duk* [mereka tengah] tembak (bunyi kertas) mati banyak mana *la* [Tabiat percakapan orang Malaysia] mati (bunyi plastik), mati lepas itu baru dia boleh tebang batang *nyiur* [kelapa] *tu* [itu] ,tumbang batang *nyiur* [kelapa] *tu* [itu] boleh masuk dalam kubu itu dia *hambat* [kejar] kerat dengan pedang *hok* [yang] panjang *ni* [ini] *Anak Rimau Soyok* [panggilan Nama] kerat *hambat* [kejar] ,*hok* [yang] bunuh itu *tak* [tidak] takut *hambat* [kejar] yang kerat Sikh *ni* [ini]. Yang mana lari ,yang mana *tak hambat* [tidak kejar] tidak lari dia pikul *gini* [macam ini] *je* [sahaja] *duk bedil gini* [ Tengah tembak macam ini]

*tak* [tidak] lari sana, *duk bedil gitu* [tengah tembak macam itu]

ANA : Senapang dekat belakang?

HS : Ya, dia kerat sekali dengan *bedil-bedil* [senapang-senapang] sekali dengan tengkok putus, pedang dia makan tak makan. Putus *bedil* [senapang] ,tengkok pun putus.

ANA : Tajam?

HS : Ya (bunyi ayam berkokok).

ANA : **Apakah anugerah yang pernah atuk terima?**

HS : Terima?

ANA : Anugerah?

HS : Tiada, mereka tidak beri apa.

ANA : **Adakah atuk ingat bagaimana Negara kita merdeka?**

HS : Negara kita masa itu *kan* [tabiat percakapan orang Malaysia] ,dia jadi boleh *kelik* [balik] lepas pada perang jepun *tu* [itu] *hok tu* [yang itu] *la* [Tabiat percakapan orang Malaysia] arah –arah komunis ada ni.Lepas pada komunis tu kita baru merdeka ,lepas merdeka tu [itu] boleh kita *la ni* [sekarang ini] kita merdeka tidak ada apa *dah* [sudah] *loni* [sekarang], aman dah sekarang.

ANA : **Pada masa tu [itu] siapakah yang berusaha untuk mendapatkan kemerdekaan?**

HS : Masa yang *sohor* [terkenal] berusaha merdeka(bunyi ayam berkokok) masa *tu* [itu] Nik Mat Kamil dengan Datuk Harun dengan Pak Ku Abdul Rahman

ANA : Tengku Abdul Rahman?

HS : Tengku Abdul Rahman yang *duk*[tinggal di] kedah ,mati, mati *dah* [sudah] *la* [tabiat percakapan orang Malaysia] dia nya *la ni* [sekarang].Dia *lah* [tabiat percakapan orang Malaysia] *hok sohor* [yang terkenal] nak merdeka ini.Pak ku Abdul Rahman *lah* [tabiat percakapan orang Malaysia] tuntutan merdeka *ni* [ini] sampai kita boleh merdeka ,aman sampai ke *loni* [sekarang], Pak Ku Abdul Rahman *lah* [tabiat percakapan orang Malaysia] arwah dia *lah* [tabiat percakapan orang Malaysia] tuntutan.Kalau dia *tak* [tidak] tuntutan barangkali harus Negara *duk* [tengah] British lagi. Masa tu (itu) Negara kita British pegang .British itu yang besar *hok* [yang] pegang negeri Malaysia *ni* [ini]. Itu

*tino* [Perempuan] *Queen Elizabeth* [Permaisuri Elizabeth] nama (bunyi ayam Berkokok).

ANA : *Queen Elizabeth* [Permaisuri Elizabeth]?

HS : *Queen Elizabeth* [Permaisuri Elizabeth] pegang .Dia merdeka dia pun beri syarat.Pak Ku kita pergi tuntutan merdeka ,dia kata kena berhubung baik-baik di antara tiga bangsa (bunyi kertas) *keeling* [India] ,Cina (bunyi plastik) melayu. *Kalu* [kalau] berbaik-baik di antara tiga bahasa *ni* [ini] boleh merdeka.Kalau *tak* [tidak] baik tiga bangsa *ni* [ini] ,*aku* [Permaisuri Elizabeth] *tak* [tidak] bagi merdeka. Berapa lama Pak Ku Abdul Rahman pergi (bunyi ayam berkokok) berserah dengan dengan orang *keling* [India] pergi berserah di tempat cina nak suruh jadi *sepakat molek* [bermuafakat] nak, nak merdeka.

ANA : Nak suruh bergabung la

HS : Ya,*nak* [hendak] suruh jadi, *demo nu* [mereka] *sepakat nok* [nak] ,antara 3 [tiga] bangsa ni jadi moga merdeka *ni* [ini] (bunyi kertas) kita melayu ini, kita asal tempatan kita ,kita lebih sikit *ja* [sahaja].

ANA : Orang melayu.

HS : Barang *gotu* [itu] pegang *hok* [yang] kerajaan *nak*[hendak] buat jadi kita sebagai kita tuan rumah ,tuntut merdeka itu.dia,dia cik orang putih *tu* [itu]

berjanji,*mu* [kamu] *nak*[hendak] merdeka boleh syarat kena baik antara 3 [tiga] bangsa,lagi aku nak bagi syarat lagi selepas mu merdeka ,5 [lima] tahun aku nak tengok ,kalau Negara *ni* [ini] aman ,*tak dak apa gotu goni* [Tidak ada apa ,macam itu,macam ini] ,*tak da* [tidak ada] kucar kacir *kot ni* [dekat sini] boleh *la* [tabiat percakapan orang Malaysia]. Kalau *tak* [tidak] aman aku tarik balik.Dia berjanji dah *Queen Elizabeth*[Permaisuri Elizabeth] janji, *Queen Elizabeth* [Permaisuri Elizabeth] janji

ANA : Adakah atuk pernah terlibat dalam mana-mana aktiviti kemasyarakatan ?

HS : Dalam *kejaan* [pekerjaan] ?

ANA : Terlibat dalam bagi, bagi ceramah?

HS : Tak dak [tiada] *tok* [atuk] tak.tak masuk,tok *bodo* [bodoh]

ANA : Bagi ceramah pasal kemerdekaan?

HS : *Tak dak* [Tiada], anak kita ada *sorang* [seorang] boleh dia ,dia masuk boleh *la* [tabiat percakapan orang Malaysia] ceramah masa lepas merdeka siap apa *ni*[ini] masa *nak*[hendak] pilihanraya hari itu baru *ni*[ini],dia ada rajin *dok*[tinggal dekat] Kota Bharu , Dollah nama.

ANA : Dol,- - -

HS : Ya

ANA : Dol - - - . Abdullah?

HS : Ya, Dollah bin --- dia rajin *la* [tabiat percakapan orang Malaysia] itu *demo*[mereka] dok bawa pergi ceramah.

ANA : **Adakah atuk pernah dihantar ke mana-mana untuk menyertai sebarang program?Seperti ceramah?**

HS : *Tak dak* [tiada] .

ANA : **Apakah erti kemerdekaan bagi pandangan atuk? Erti kemerdekaan ?**

HS : Kemerdekaan *ni* [ini] kita ,kemerdekaan *ni* [ini] kita setuju *la* [tabiat percakapan orang Malaysia], merdeka moga Negara kita, buat apa orang nak memerintah kita *la* [tabiat percakapan orang Malaysia] memerintah, kita tuan rumah besar, tempatan kita orang kita ,negeri kita,setuju *la* [tabiat percakapan orang Malaysia] nak merdeka itu.

ANA : **Siapakah tokoh yang paling atuk kagumi dan hormati? Tokoh pada masa itu?**

HS : Tokoh ?



- ANA : Tokoh yang menjadi idola atuk? Tokoh yang atuk sanjung?
- HS : Apa?
- ANA : Tunku Abdul Rahman ?
- HS : Ya, Tunku Abdul Rahman *la*[tabiat percakapan orang Malaysia], dia masa itu dia tumbuh parti banyak *kan* [tabiat percakapan orang Malaysia]
- ANA : Parti?
- HS : Banyak ,masa *hok nak* [yang hendak] merdeka mula parti negara orang putih sendiri .
- ANA : Parti Negara?
- HS : Parti kita *ni* [ini] parti *Umno* [United Malay national Organisation], parti kapal layar kita.
- ANA : Kapal Layar?
- HS : Kapal layar. Dia cogan kapal layar *ni* [ini] Umno ini . *pah* [lepas] parti bebas ,kerusi parti bebas.banyak parti ,parti kepala kerbau pun ada, dia buat cogan dia se parti *hok* [yang] kita merdeka *ni*[ini], parti gema padi ,orang putih parti Negara dia parti gema padi. Kita..kita orang melayu kita *ni* [ini] itu kapal layar. Dia bertanding antara kapal layar dengan gema padi dia nak *hok* [yang] mana. Jadi orang putih dia *belit doh* [muslihat] , dia dia buat ,dia buat gambar cogan dia *tu* [itu] buat gambar gema padi tu [itu] dia jadi dia nak suruh kita *ni* [ini] , nak dia *mikir* [berfikir] ,jadi kita ini *tak* [tidak] lepas dengan nasi, nasi

ini padi.

ANA : Padi?

HS : Ya, dia dia dia *gitu dah* [macam itu sudah] dia fikir dia buat gema padi .Tapi anak melayu kita ,pintar dan pintar cerdik ,jadi *tokse* [tidak mahu] gema padi nak kapal layar, kapal layar *ni* [ini] parti Pak Ku Abdul Rahman.

ANA : *UMNO* [United Malay Nation Organization]?

HS : Ya, *UMNO* [ United Malay Nation Organization] Menang *la* [tabiat percakapan orang melayu] *UMNO* ,itu gema padi kalah parti Negara kalah.

NIA : **Apakah Pendapat atuk tentang kehidupan penduduk sebelum dan selepas kemerdekaan ?**

HS : Sebelum kemerdekaan, selepas. selepas ke sebelum ?

NIA : Sebelum dan selepas.

HS : Makanan kita serupa atuk *oyak* [cakap] tadi *la* [tabiat percakapan orang Malaysia] buat sendiri *ja* [sahaja] *la* [ tabiat percakapan orang Malaysia] padi ,padi kita buat sendiri .hmmm..Nyiur kita tanam sendiri.Yang orang tua tinggal ada sepokok 2 [dua] kelapa *tu* [itu] *la* [tabiat percakapan orang Malaysia] makanan .hmm *hok* [Yang] buat sendiri *blako* [semua].*Pah* [selepas] kelapa *ni*

[ini], kita *nak* [hendak] makan nisan *pah* [selepas] kita naik kita *sadat* [cara untuk mengambil nira kelapa] ,atuk menyadat itu.

ANA : *Sadat* [cara untuk mengambil nira kelapa]? Nisan ,*nyiur* [kelapa]?

HS : *Sadat* [cara mengambil nira kelapa] naik *nyiur*[kelapa],parut *nyiur* [kelapa] *tu*[itu]. *Sadat* [cara mengambil nira kelapa] masa *tu*[itu] masa masa homeguard mula makanan masa homeguard tidak ada gula, tidak ada apa tidak ada nisan ,*hok* [yang] kita *sadat tu* [itu] ,kita tanak jadi gula.Boleh buat,buat minum air apa ,air air nisan *tu* [itu]

ANA : Air daripada nisan?

HS : Masa komunis , masa homeguard tidak ada gula sebab susah masa *tu* [itu] susah tiada, kita sendiri buat nisan.

ANA : **Apakah pendapat atuk tentang kehidupan penduduk pada zaman sekarang?selepas merdeka ?Adakah lebih baik daripada (bunyi ayam berkokok) kehidupan sebelum merdeka?**

HS : Kita *sebelas* [11], selepas pada merdeka dengan sebelum merdeka lebih baik yang sekarang *la* [tabiat percakapan orang Malaysia]. Seolah-olah kita kata *la* [Tabiat percakapan orang Malaysia], jauh benar dengan beza sebelum merdeka, senang *la ni* [ini] .Senang dengan tentang *nak*[hendak] pergi jalan mana-mana hari ini.Pergi hari ini boleh balik,esok pergi esok boleh balik.Dulu tidak boleh (bunyi ayam berkokok) pergi Perak *tu*[itu] kena jalan kaki *tiga* [3]

malam jalan.jalan kaki.Atuk pergi *dah* [sudah] jalan kaki. *Empat* [4] malam jalan baru *temu* [jumpa] Kusial.Kampung Kusial.

ANA : Kusial ?

HS : *Empat* [4] malam.Boleh kot rakit ,lalu *kot* [dekat] bawah jambatan besar *tu* [itu] air ,lalu *kot* [arah] *tu* [itu] dengan rakit ,dengan rakit buluh.

NIA : Dengan rakit buluh?

HS : Ya, itu pergi Perak . Atuk pergi sekali kot *ni* [ini] pergi ikut bukit *ni* [ini] ,pergi ikut Belum.

ANA : Belum?

HS : *Dua* [2] kali *dah* [sudah] atuk pergi jalan pergi ke Perak jalan kaki, naik rakit.

ANA : Pada masa *tu* [itu] ,atuk pergi seorang diri ?

HS : Ya, pergi tidak seorang la [tabiat percakapan orang Malaysia] , 4[empat],5 [lima] orang sekali pergi. *Sorang* [seorang] takut tidur dalam bukit sana (ketawa)

NIA : **Berapa lama masa yang di ambil?**

HS : Apa?

NIA : Berapa lama masa yang diambil untuk sampai?

HS : Nak nak sampai sana.4 [empat] hari.4 [Empat] hari,4 [empat] malam.

ANA : 4 [Empat] hari,4 [empat] malam

HS *Dah*[sudah] tengah hari berjalan ,malam tidur .Tengahari berjalan ,malam tidur.4 [empat] hari 4 [empat malam] *la* [tabiat percakapan orang Malaysia] empat malam berjalan.

ANA : **Apakah pendapat atuk tentang pemerintahan Negara pada masa ini?**

HS : Masa *ni*[ini] ,boleh yang buatan kita sendiri ,yang kerajaan beri tiada ,kita buat sendiri apa *tu* [itu] atuk tanam getah, tanam itu *la* [tabiat percakapan orang Malaysia]. Itu pendapatan ,pendapatan kita sendiri.Tiada kata yang kerajaan beri tidak ada. (Tokoh tidak menjawab soalan yg di ajukan)

ANA : **Apakah pandangan atuk tentang cara pemerintahan Negara pada masa ini ?**

HS : Pemerintahan Negara buat masa *la ni* [sekarang] jadi , kita duk tengok jadi ,tidak apa lagi, *molek*[baik] lagi *la*[ tabiat percakapan orang Malaysia ] jadi ok *la* . Jadi kita jadi boleh senang. Sekolah-sekolah pun jalan *la ni* [sekarang] pun bukan setakat ,setakat Negara kita ,kerajaan kita memerintah *ni* [ini] bukan tahu berapa sekolah dalam Kelantan ini sahaja barangkali banyak puluh buah

barangkali ,sekolah yang kerajaan bangun . Yang seluruh Malaysia *ni* [ini] dia bangun sekolah bangunan dia barangkali beratus-ratus buah sekolah barangkali lebih.Ia *tu* [itu] senang maju la [Tabiat percakapan orang Malaysia] itu.

ANA : **Pada masa sebelum merdeka ?**

HS: Mula-mula merdeka tidak ada apa satu.tiada .Atuk yang boleh atuk *bodo* [bodoh] kes tidak ada sekolah *ni* [ini] (ketawa). Tidak ada sekolah masa itu.Tiada.

ANA : **Apakah pandangan atuk tentang pemerintahan sebelum merdeka?pemerintahan Negara?**

HS : Sebelum merdeka kita *nak* [hendak] buat macam mana mereka tidak merdeka *nak* [hendak] tuntutan merdeka sendiri tidak boleh.mereka tuntutan merdeka kita mujur la [tabiat percakapan orang Malaysia] .Mujur la kita boleh mereka merdeka Negara kita (bunyi ayam berkokok). dia baik yang merdeka sebelum merdeka macam *tu* [itu]

ANA : **Apakah kemahiran yang atuk ada ? Kemahiran atuk pandai dalam**

**pembuatan ?Apa? (bunyi ayam berkokok)**

HS : Pembuatan serupa atuk cakap tadi *la* [tabiat percakapan orang Malaysia],  
hmm.Buat kerja ada orang suruh buat sarung golok , sarung pisau (bunyi ayam  
berkokok) yang itu sahaja la.pembuatan.

ANA : **Adakah atuk mahir dalam pembuatan keris dan peralatan lain?**

HS : Apa sahaja mereka suruh buat kita buat \_ boleh buat.*Huduh molek tu* [ hodoh  
sangat itu] kita *tak* [tidak] kisah lah [tabiat percakapan orang Malaysia]  
boleh buat .Jadi buat dengan tidak ada guru belajar apa tidak .Jadi buat dengan  
idea kita *tubik* [keluar] (bunyi ayam berkokok) tu nak buat macam ni benda ni  
patut buat macam *ni*[ini] ,benda ini patut buat macam ini. Itu sahaja.

ANA : Dengan kreativiti sendiri?

HS : Ya.

ANA : **Bolehkah atuk ceritakan jenis-jenis keris (bunyi ayam berkokok) yang  
atuk telah buat ? Jenis –jenis peralatan yang atuk telah buat?**

HS : Nak [hendak] cerita macam mana lagi ,*tak* [tidak] tahu la atuk pun nak cerita  
macam mana.

ANA : Keris , parang

HS : Cerita macam *tu*[itu] *la* [tabiat percakapan orang Malaysia], boleh buat sahaja *la* [tabiat percakapan orang Malaysia]. Buat sarung keris ,duduk –duduk itu boleh buat sarung pedang boleh buat ,sarung golok boleh buat, yang *tu*[itu] sahaja *la* .hmm.

ANA : **Bolehkah atuk terangkan apakah bahan yang digunakan dalam pembuatan keris? (bunyi ayam berkokok)**

HS : Buat, bahan buat buatan keris tu ada dengan gaji , ada dengan gaji orang panggil gergaji skop,nak buat sarung tu *la* (bunyi ayam berkokok) boleh jadi muat mata dia *tu* [itu] gaji skop orang panggil, gaji.

ANA : Gaji skop?

HS : Sarung dia nak nak jadi *tu* [itu] korek korek .korek,korek,korek skop boleh jadi telus mata *tu*[itu].

ANA : Sarung keris itu diperbuat daripada \_

HS : Kayu.kayu (bunyi ayam berkokok)

ANA : Kayu jenis apa? (Bunyi ayam berkokok)

HS : Kayu jenis kayu seno

ANA : Seno?

HS : Ya, kayu seno yang *molek*[baik] nya.



ANA : **Bolehkah atuk (bunyi ayam berkokok) ceritakan proses pembuatan keris ?Proses pembuatan keris atau proses pembuatan parang?sarung?**

HS : Proses *ni* [ini] ka .kita itu *la*[tabiat percakapan orang Malaysia] ambil kayu,lepas kita tarah ,lepas kita kerat dengan gaji (bunyi ayam berkokok) lepas kita raut,lepas kita ukir.

ANA : Ukir ?

HS : Ukir dia boleh jadi bentukkan hulu keris hulu apa *tu*[itu].

ANA : Ukir dengan?

HS : Ukir dengan pisau,dengan pisau.

ANA : **Adakah bahan membuat keris itu mudah didapati , senang dicari?**

HS : Apa?

ANA : Adakah bahan untuk membuat keris senang didapati? (bunyi Azan)

HS : Nak buat keris,nak buat sarung keris. sarung apa,kena ada kapak,gergaji,pisau.*tu je*[itu sahaja] *la*[tabiat percakapan orang Malaysia].

:

ANA : **Bahan.bahan yang senang didapati ada *kat*[dekat] rumah?**

HS : Ada itu.dia ambil.beli barang di kedai untuk plah sarung *tu*[itu]..nak bagi sama *molek*[baik]..plah dengan sarung..sebelum plah tu,orang panggil *keghe* [keras]..keghe tu.kedai jugak beli.*keghe*[keras] tu beli kedai.*tu je* [itu sahaja] *la* [tabiat percakapan orang Malaysia] bahan membuatnya.

ANA : **Adakah atuk menerima (bunyi ayam berkokok )tempahan daripada orang ramai? Tempahan membuat keris,parang daripada orang?**

HS : Apa?

ANA : Adakah atuk terima..terima tempahan daripada orang?

HS : Yang *demo* [mereka] bawa mari mata..bawa mari mata sahaja.bawa mari , kita yang buat..kita buat.ada orang bawa mari mata, kita buat.

ANA : **Berapa lama..berapa lama untuk membuat?**

HS : Nak boleh siap satu-satu *tu* [itu].sebab ada dalam seminggu..

ANA : Seminggu?

HS : Hmm..seminggu..yang susah macam keris tu dalam dua minggu.

ANA : Dua minggu?

HS : Ya, nak siapkan.

NIA : **Berapa harga yang ditetapkan oleh atuk untuk sebilah keris?()**

HS : Keris? sebab kita *duk* [tengah] buat yang *demo* [mereka].*kito* [saya] tidak jual yang *demo* [mereka] bawa bagi mata suruh *kito* [saya] buat hulu sarung.() *demo* [mereka] cuma *demo* [mereka] bagi upah buat *tu* [itu].()

NIA : Berapa? Berapa?

HS : Upah tu ada macam-macam la. Seratus pun ada, lapan puluh pun ada, lima puluh pun ada. Besi..kalau parang besar ni.. mata.sarung besar ni buatan tu ..harga ni..sarung buatan macam ni..buatan tu rumit sedikit..mahal sedikit..buatan tu mudah sedikit.murah sedikit. Tu je la.

NIA : Oh..

HS : Ada setakat 80[ lapan puluh], 70 [tujuh puluh], 60 [enam puluh] *tu* [itu] *la* [tabiat percakapan orang Malaysia] satu-satu pisau, sarung, hulu *kito* [saya] buatnya.

NIA : **Adakah pembuatan keris memerlukan kos yang tinggi?**

HS : Yang?

ANA : Pembuatan keris memerlukan(bunyi ayam berkokok) duit yang banyak untuk membuat.membuat keris? Adakah pembuatan keris itu memerlukan duit?

HS : Tak.tiada duit.(bunyi ayam berkokok).tidak ada.(bunyi ayam berkokok) ada juga *kito*[saya]..duit *tu* [itu]..ada juga *la* [tabiat percakapan orang Malaysia].bukan kata tidak guna duit..guna duit *kito* [saya] beli varnish untuk *nak* [hendak] sapu untuk yang sudah *kito* [saya] buat *tu*[itu].sapu varnish *tu* [itu]..kena berduit.barang - barang tidak ada,tidak boleh buat.

ANA : Varnish?

HS : Varnish..orang panggil varnish..untuk sapu pada sarung dia..varnish.

NIA : Selain daripada membuat keris.?

HS : Ya.

NIA : **Adakah atuk mempunyai kemahiran lain?**

HS : Kemahiran lain? Tidak ada atuk. Bersekolah tidak semua tidak. Tidak ada *la* [tabiat percakapan orang Malaysia.]

ANA : (ketawa) Adakah atuk pandai membuat wayang kulit?(bunyi ayam berkokok)  
: Macam wayang kulit?..wayang kulit *tu* [itu] adalah..belulang *tu* [itu] kita  
\_(bunyi ayam berkokok)

ANA : Belulang?

HS : belulang kambing,belulang lembu zaman-zaman muda atuk itu.sekarang tidak lagi.(bunyi ayam berkokok)

NIA : **Adakah atuk pernah membuat persembahan wayang kulit?**

HS : *Demo jah* [mereka sahaja]..tok tidak.tok cuma main paluan.paluan wayang atuk boleh..(bunyi ayam berkokok) paluan wayang tu.

ANA : **Dimanakah tempat atuk membuat persembahan wayang kulit?**

HS : Masa tinggal kampung bawah. kampung bawah

ANA : Kampung Lawar?

HS : Kampung Lawar dulu bukan disini bawah sana dahulu,asal kampung bawah sana.

ANA : **Adakah anak-anak atuk mempunyai kemahiran yang sama seperti atuk?**

HS : Tiada.

ANA : Tidak ada?

HS : Tiada.

- NIA : **Dimanakah atuk mempelajari kemahiran membuat keris?**
- HS : Tidak belajar.kita belajar sendiri..
- NIA : Belajar sendiri?
- HS : Belajar sendiri.tidak belajar dengan sesiapa.
- ANA : Baru-baru ini,terdapat kes rompakan dan pembunuhan di sebuah bank yang melibatkan pegawai keselamatan,
- HS : *Hmm*[ mengiyakan] ya.
- ANA : **Apakah pendapat atuk tentang kejadian ini?**
- HS : Apa?
- ANA : **Apakah pendapat atuk tentang kejadian ini? Kejadian yang melibatkan pegawai keselamatan.**
- HS : Haa..tidak ada jadi juga..( tokoh tidak menjawab soalan)
- ANA : **Pada pandangan atuk,bagaimanakah tahap keselamatan di Negara kita sekarang?**
- HS : Negara kita , jadi kita lepas merdeka *ni* [ini] kita rasa aman pun.sebelum *tu*

[itu] tidak ada.

ANA : **Apakah saranan dan nasihat atuk kepada orang ramai tentang menjaga keamanan Negara? Nasihat.**

HS : *Kito* [kita] selalu cakap kepada orang-orang, kita *ni* [ini] tidak boleh sokong orang lain *la* [tabiat percakapan orang Malaysia]. Kita kena sokong untuk orang boleh. Kita boleh tumpang Negara. Cakap tentang merdeka *ni* [ini]. Kena sokong orang *ni* [ini] jangan sokong orang lain. *Tu* [itu] kita selalu cakap tidak bagi sokong sesuka hati *la* [tabiat percakapan orang Malaysia]. Suruh sokong Negara kita untuk yang kita merdeka *ni* [ini]. Umno. Sokong Umno *la* [tabiat percakapan orang Malaysia]. UMNO serjasa dia berjasanya.

NIA : (bunyi kertas) kami ingin mengucap (bunyi ayam berkokok) ribuan terima kasih atas kesudian atuk meluangkan masa untuk berkongsi pengalaman yang tidak dapat dijual beli dan kami hargai kesudian atuk. Terima kasih.

**TAMAT BAHAGIAN B**

## SENARAI SOALAN

### LATAR BELAKANG

1. Apakah nama penuh atuk?
2. Berapakah umur atuk sekarang?
3. Apakah nama panggilan yang biasa digunakan oleh keluarga untuk atuk?
4. Bilakah atuk dilahirkan?
5. Dimanakah tempat atuk dilahirkan?
6. Atuk berasal dari mana?
7. Atuk menetap dimana sekarang?
8. Siapakah nama penuh ayah atuk?
9. Siapakah nama penuh ibu atuk?
10. Berapakah bilangan adik-beradik atuk?
11. Atuk anak yang ke berapa?
12. Adakah adik beradik atuk masih ada?
13. Dan dimanakah mereka sekarang?
14. Apakah pekerjaan atuk?
15. Siapakah nama isteri atuk?
16. Apakah pekerjaan isteri atuk?
17. Bilakah tarikh atuk berumah tangga?
18. Berapakah bilangan anak atuk?
19. Berapa bilangan anak lelaki dan berapa bilangan anak perempuan?
20. Dan siapakah mereka?
21. Adakah atuk sudah mempunyai cucu?
22. Berapa bilangan cucu atuk?
23. Adakah atuk mempunyai cicit?
24. Berapakah bilangan cicit atuk?
25. Apakah hobi atuk di masa lapang?
26. Apakah makanan kegemaraan atuk?
27. Apakah minuman kesukaan atuk?
28. Apakah cita-cita atuk pada masa kecil dulu?
29. Apakah pengalaman paling manis yang pernah dialami pada masa kecil dulu?

### KERJAYA TOKOH

30. Jadi kita beralih ke topik yang lebih mendalam iaitu kerjaya tokoh. Adakah ibu bapa Atuk menyokong pilihan atuk menjadi homeguard?
31. Sebelum atuk menjadi homeguard, atuk kerja di mana?
32. Bagaimana atuk tergerak hati untuk menjadi homeguard?



33. Adakah atuk mendapat latihan sebelum menjadi homeguard?
34. Apakah jawatan dan tugas atuk semasa menjadi homeguard?
35. Berapakah bilangan homeguard pada masa itu?
36. Adakah semua homeguard itu lelaki?
37. Berapakah bilangan orang yang ditugaskan pada satu masa?
38. Siapakah ketua bagi homeguard pada masa itu?
39. Kenapa homeguard ditubuhkan?
40. Apakah kenderaan yang atuk guna semasa bertugas?
41. Bolehkah atuk terangkan secara terperinci pakaian yang digunakan semasa atuk bertugas sebagai homeguard?
42. Adakah atuk menerima gaji semasa bertugas?
43. Bagaimana keadaan pada masa itu?
44. Berapakah bilangan komunis pada masa itu?
45. Dimanakah kubu kuat komunis pada masa itu?
46. Bagaimana komunis ditumpaskan?
47. Bolehkah atuk ceritakan bagaimana dan kenapa komunis terbentuk pada masa itu?
48. Adakah disebabkan oleh penjajahan jepun dahulu?
49. Boleh atuk ceritakan pengalaman manis semasa menjadi homeguard?
50. Boleh atuk ceritakan pengalaman pahit semasa menjadi homeguard?
51. Berapa lamakah atuk bekerja sebagai homeguard?
52. Selain daripada menjadi homeguard apakah pekerjaan sampingan atuk?
53. Adakah atuk mahir dalam bidang pertukangan?

#### **PENGALAMAN DAN SUMBANGAN**

54. Adakah atuk pernah menjawat sebarang jawatan penting sepanjang bergelar sebagai homeguard?
55. Apakah sumbangan atuk sepanjang berkhidmat sebagai homeguard pada masa dahulu?
56. Boleh atuk ceritakan bagaimana keadaan Negara pada zaman dahulu dan sekarang?
57. Apakah anugerah yang pernah atuk terima?
58. Adakah atuk ingat bagaimana Negara kita mencapai kemerdekaan ?

#### **PENGALAMAN DAN SUMBANGAN (LAIN-LAIN)**

59. Adakah atuk pernah terlibat dalam mana-mana aktiviti kemasyarakatan?
60. Adakah atuk pernah dihantar kemana-mana untuk menyertai sebarang program seperti ceramah ?
61. Apakah erti kemerdekaan pada pandangan atuk?
62. Siapakah tokoh yang paling atuk kagumi dan atuk hormati?

63. Apakah pendapat atuk tentang kehidupan penduduk sebelum dan selepas kemerdekaan?
64. Apakah pendapat atuk tentang pemerintahan Negara pada masa ini?
65. Apakah pendapat atuk tentang pemerintahan sebelum kemerdekaan?

#### **KEMAHIRAN DAN KEBOLEHAN**

66. Apakah kemahiran yang atuk ada?
67. Adakah atuk mahir dalam pembuatan keris dan peralatan lain?
68. Jika ya, bolehkah atuk ceritakan jenis-jenis keris yang atuk telah buat?
69. Bolehkah atuk terangkan, apakah bahan yang digunakan dalam pembuatan keris dan peralatan lain?
70. Bolehkah atuk ceritakan proses pembuatan keris?
71. Adakah bahan untuk membuat keris mudah didapati?
72. Adakah atuk pembuatan keris memerlukan kos yang tinggi?
73. Adakah atuk menerima tempahan daripada orang ramai?
74. Berapakah harga yang ditetapkan oleh atuk untuk sebilah keris?
75. Berapa lama tempoh yang atuk perlukan untuk menyiapkan sebilah keris?
76. Selain daripada kemahiran membuat keris, adakah atuk mempunyai kemahiran lain?
77. Jika ya, apakah bahan untuk membuat wayang kulit?
78. Adakah atuk pernah membuat persembahan wayang kulit?
79. Dimanakah tempat atuk membuat persembahan wayang kulit?
80. Adakah anak-anak atuk mempunyai kemahiran yang sama seperti atuk?

## LOG TEMUBUAL

### LOG TEMUBUAL

#### BAHAGIAN A

MASA	PERKARA YANG DIBINCANGKAN	NAMA/ TEMPAT YANG DIRUJUK
0.38	Latar belakang tokoh berkaitan keluarga	1) Balai Polis 2) Kampung Lawar
5.04	Pekerjaan Sekarang	1) Kebun Sayur
5.20	Kehidupan Berumahtangga	1) Satimah Binti Md Noh
12.00	Latar Belakang Pendidikan	1) Anak Tok Budin

#### BAHAGIAN B

MASA	PERKARA YANG DIBINCANGKAN	NAMA/TEMPAT YANG DIRUJUK
13.22	Kerjaya sebagai Homeguard	1) Saman Bin Omar
14.10	Pekerjaan sebelum Menjadi Homeguard	1) Kampung Lawar
33.54	Pekerjaan sampingan semasa menjadi Homeguard.	1) Bendang 2) Kemahiran Dalam pertukangan
37.59	Keadaan Negara pada zaman dahulu	1) Jepun 2) British 3) Kubu Pengkalan Chepa.

## INDEKS

### A

Adik-beradik, 17  
**anak-anak**, 21, 83, 89  
atuk, 12, 13, 14, 15, 16, 17, 18, 19, 20, 21,  
22, 23, 24, 25, 26, 27, 28, 29, 30, 31,  
32, 37, 39, 40, 47, 50, 51, 52, 53, 54,  
55, 56, 57, 64, 65, 67, 68, 69, 71, 72,  
73, 74, 75, 76, 77, 78, 79, 80, 82, 83,  
84, 85, 86, 87, 88, 89  
ayah, 16, 28, 53, 86

### B

belajar, 26, 27, 28, 30, 55, 76, 84  
bilangan, 9, 17, 20, 21, 22, 32, 33, 42, 86,  
87  
Bintang,, 50  
bunyi, 12, 13, 14, 15, 16, 17, 18, 19, 20,  
21, 22, 23, 24, 25, 26, 28, 29, 31, 32,  
33, 34, 37, 40, 41, 42, 45, 48, 50, 53,  
55, 56, 57, 58, 59, 60, 61, 62, 63, 64,  
65, 66, 67, 72, 75, 76, 77, 78, 79, 81,  
82, 83, 85

### D

**dahulu**, 24, 25, 26, 38, 40, 43, 45, 47, 56,  
57, 83, 87, 88, 90  
*Demo*, 13, 56, 58, 83  
dengan, 10, 19, 24, 26, 27, 34, 37, 38, 39,  
40, 44, 45, 46, 49, 52, 53, 55, 58, 59,  
60, 61, 62, 63, 64, 65, 66, 70, 72, 73,  
76, 77, 78, 79, 84  
*DO*, 34, 35, 36

### G

**gaji**, 40, 77, 78, 87  
Gua Musang, 44

### H

homeguard, 6, 9, 10, 28, 29, 30, 31, 32,  
33, 34, 35, 37, 38, 39, 40, 43, 51, 52,  
53, 54, 55, 56, 57, 71, 72, 87, 88

### J

**jepun**, 9, 34, 35, 47, 48, 57, 60, 63, 65, 87

### K

Kampung Lawar, 4, 7, 13, 15, 16, 29, 31,  
39, 40, 44, 83, 90  
**kenderaan**, 37, 45, 87  
komunis, 9, 10, 29, 35, 40, 41, 42, 43, 44,  
45, 46, 47, 48, 49, 50, 57, 65, 72, 87  
**kubu**, 39, 43, 44, 57, 58, 59, 61, 62, 63,  
87

### L

**latihan**, 9, 29, 30, 87  
Lisan, 4, 12

### M

Malaysia, 13, 15, 16, 19, 20, 21, 23, 24,  
25, 26, 27, 28, 29, 30, 31, 34, 35, 36,  
39, 40, 41, 43, 45, 48, 50, 52, 53, 54,  
55, 58, 59, 60, 61, 62, 63, 65, 66, 67,  
68, 69, 71, 72, 73, 74, 75, 76, 77, 78,  
79, 81, 82, 85

mengaji, 27  
merdeka?, 38, 65, 72  
**merompak**, 43, 49

## N

**nama**, 13, 16, 17, 19, 22, 29, 31, 62, 66,  
68, 86  
Negara, 6, 10, 56, 57, 65, 66, 67, 69, 70,  
71, 74, 75, 85, 88, 90  
nombor, 18, 21

## O

operasi, 10  
Orang putih, 34, 36

## P

padi, 31, 41, 43, 54, 70, 71  
pagar buluh, 41  
**pakaian**, 10, 39, 87  
Panggilan, 13, 62  
**pekerjaan**, 18, 19, 31, 54, 68, 86, 88  
**penjajahan**, 47, 87  
perkerjaan, 18

perompak, 48, 49, 50  
Pertahanan, 9, 10  
Puak, 47, 48, 49

## R

Rumah pasung, 15

## S

sekolah, 26, 74, 75  
**senjata**, 9, 10, 30, 35, 38, 39, 40, 43, 46,  
48, 49, 50  
surat, 9, 14

## T

tanam, 18, 25, 54, 71, 74

## U

umno, 85

## W

wayang, 6, 38, 82, 83, 89

## RUJUKAN

Hamid bin. Saman (wawancara, 11 november,2013) Wawancara berkaitan pengalaman beliau semasa menjadi homeguard. Diwawancara oleh Atika Nataysa Binti Alias, Nurul Izzah Binti Ayob. Jeli: Kelantan.

# LAMPIRAN

**Pejabat Timbalan Rektor  
(Hal Ehwal Akademik)**  
Deputy Rector Office  
(Academic Affairs)

**Universiti Teknologi MARA Cawangan Kelantan**  
Bukit Ilmu 18500 Machang, Kelantan, Malaysia  
Website : <http://www.kelantan.uitm.edu.my>  
Tel : (09) 976 2266/976 2162 Faks : (09) 976 2156  
Email : [tpheakn@kelantan.uitm.edu.my](mailto:tpheakn@kelantan.uitm.edu.my)



**UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA**

Tarikh : 19 Disember 2013  
No. Fail : 100-KK(HEA 30/7/2)

**KEPADA SESIAPA YANG BERKENAAN**

Tuan/Puan

**PENGESAHAN PROJEK PELAJAR UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN KELANTAN**

<u>BIL</u>	<u>NAMA</u>	<u>NO. UiTM</u>
1.	ATIKA NATAYSA BINTI ALIAS	2011676516
2.	NURUL IZZAH BINTI AYOB	2011211182


Adalah dimaklumkan bahawa penama-penama di atas merupakan pelajar dari **IJAZAH PENGURUSAN SISTEM MATLUMAT**, Bahagian 5 yang ditugaskan untuk menyiapkan satu laporan projek yang berkaitan dengan matapelajaran yang mereka ikuti iaitu **ORAL DOCUMENTATION (IMR604)**.

2. Pihak kami mengharapkan kerjasama dari pihak tuan/puan untuk menyumbangkan sebanyak mungkin maklumat yang diperlukan. Segala maklumat tersebut akan kami rahsiakan dan hanya untuk tujuan akademik sahaja. Penyediaan projek ini adalah wajib untuk melengkapkan kursus tersebut. Untuk maklumat lanjut, pihak tuan boleh menghubungi **ATIKA NATAYSA BINTI ALIAS**:

3. Pihak kami mengucapkan terima kasih di atas kerjasama dan maklumat yang diberikan.

Sekian terima kasih.

Yang benar

  
**IMRAN BIN MOHAMED @ ISMAIL**  
Penolong Pendaftar Hal Ehwal Akademik  
b/p : TIMBALAN REKTOR AKADEMIK





## UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

Machang, Kelantan

### PERJANJIAN MENGENAI SEJARAH LISAN

Syarat-syarat mengenai wawancara yang telah diadakan antara Universiti Teknologi MARA dengan ENCIK HAMID BIN SAMAN

Pada 11 NOVEMBER 2013

1. Pita rakaman hasil wawancara yang tersebut di atas adalah diserahkan kepada Universiti Teknologi MARA untuk disimpan buat selama-lamanya.
2. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA akan mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu untuk memelihara pita rakaman ini.
3. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA boleh membuat transkrip pita rakaman dan transkrip-transkrip ini perlu/tidak perlu disemak oleh pengkisah (interviewee).
4. Pita rakaman/transkrip ini akan dibuka kepada semua penyelidik sama ada dari Malaysia atau luar negeri yang bertujuan membuat penyelidikan yang sah tanpa syarat-syarat / dengan syarat:

Apabila petikan diambil dari pita rakaman/transkrip ini untuk digunakan di dalam penerbitan, tesis dll., sumbernya hendaklah diakui oleh penyelidik-penyelidik.

5. Adalah dipersetujui bahawa pita rakaman/transkrip ini akan dibuka kepada penyelidik-penyelidik dalam dan luar negeri mulai dari ..... (tarikh). Dipersetujui pada ..... oleh kedua pihak yang berkenaan.

*Pengkisah (interviewee)*

Encik Hamid Bin Saman

Fakulti Pengurusan Maklumat

Universiti Teknologi MARA.

**Lampiran**



**Gambar 1 : Gmabar tokoh , Hamid Bin Saman**



**Gambar 2 : Tokoh bersama Isteri, Satimah Binti Mat Noh**



**Gambar 4 : Tokoh (kiri) bersama keluarga**



**Gambar 4 : penemuramah bersama tokoh**





**Gambar 5 : Sijil Penghargaan tokoh**



**Gambar 6 : Hasil kerativiti tokoh dalam pertukangan.**



Gambat 7 : Kad Kakitangan Tokoh di Rumah Tamu